



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8687]**

### **USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8723]**

**Anggaran Pembangunan, 1985:**

#### **Jawatankuasa—**

**Maksud P. 47 [Ruangan 8725]**

**Maksud P. 48, P. 49 dan P. 50 [Ruangan 8751]**

**Maksud P. 51, P. 52, P. 53, P. 54, P. 55 dan P. 56 [Ruangan 8793]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—**

#### **Jawatankuasa:**

#### **Jadual—**

**Maksud B. 47 [Ruangan 8725]**

**Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 [Ruangan 8751]**

**Maksud B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55 dan B. 56 [Ruangan 8793]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Ja'sin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.  
(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).

- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 27hb November, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANMATA PELAJARAN KEMA-  
HIRAN "MANIPULATIVE"

1. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah menengah dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam projek percubaan mata pelajaran baru mengenai kemahiran-kemahiran "manipulative". Apakah objektif-objektif utama dan isi kandungan asas bagi mata pelajaran ini. Apakah hasil-hasil perawalan setakat ini. Adakah mata pelajaran ini dirancang mengikut konsep-konsep baru yang akan diperkenalkan dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang dicadangkan itu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah menengah yang terlibat dalam projek percubaan mata pelajaran baru mengenai kemahiran-kemahiran "manipulative" ialah sebanyak 70 buah. Bilangan kelas pelajar yang terlibat pula ialah 2 buah kelas Tingkatan Satu bagi tiap-tiap sekolah yang terlibat.

Objektif utama mata pelajaran kemahiran "manipulative" ini ialah untuk teknikal deterasi iaitu untuk mewujudkan masyarakat yang

memahami pengetahuan teknikal bagi kepentingan perkembangan perindustrian di negara ini pada masa hadapan. Isi kandungan asasnya ialah pelajaran yang bercorak "electro-mechanical" iaitu pelajaran yang mengandungi unsur-unsur pengetahuan "electronic" dan juga pengetahuan mekanikal sawatan.

Oleh kerana pelajaran ini baru dicubakan pada bulan Jun 1984 yang lalu maka terlalu awal bagi saya untuk menilai hasil kejayaannya. Mata pelajaran ini juga dirancang supaya persambungan dengan konsep Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan akan menepati kehendak Laporan Jawatankuasa Kabinet apabila Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan nanti iaitu untuk memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pra vokasional.

**Dr Koh Tsu Koon:** Soalan tambahan sedikit sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini bilakah mata pelajaran ini dijangka akan dilaksanakan dengan sepenuhnya di sekolah. Adakah ini akan melibatkan perbelanjaan wang yang banyak bagi pihak Kementerian, iaitu lebih banyak wang akan diperuntukkan untuk mata pelajaran ini? Dan di samping itu, adakah guru-guru akan dilatih supaya mereka layak dan juga mahir untuk mengajar mata pelajaran ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat mengulangi satu persatu soalan itu?

**Dr Koh Tsu Koon:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua, kalau diperlukan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, satu-satu. Yang pertama.

**Dr Koh Tsu Koon:** Yang pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah pada tahun apakah mata pelajaran ini akan dilaksanakan dengan sepenuhnya di semua sekolah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup buat sementara, Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, percubaan dimulakan di tahun satu mulai dari Penggal Tiga tahun 1984. Pelaksanakat berperingkat adalah seperti berikut:

Tahun 1984	Penggal Tiga
Tahun Satu	1985
Tahun Satu dan Dua	1986
Tahun Dua dan Tiga	1987
Tahun Tiga dan Empat	1988
Tahun Empat dan Lima	1989
Tahun Lima dan Enam	1990

**Timbalan Yang di-Pertua:** Keduanya, Yang Berhormat.

**Dr Koh Tsu Koon:** Yang keduanya, ialah mengenai perbelanjaan wang. Adakah dengan dilaksanakan mata pelajaran ini Kementerian diperlukan membelanjakan lebih peruntukan bagi mata pelajaran ini apabila dilaksanakan dengan sepenuhnya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini ialah di peringkat perintis. Oleh itu, berkenaan peruntukan yang dibelanjakan saya minta notis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang ketiga, Yang Berhormat.

**Dr Koh Tsu Koon:** Minta maaf, nampaknya terlampau banyak soalan saya ini. Mengenai latihan guru, adakah Kerajaan telah merancang untuk melatih guru-guru supaya mereka ini layak dan mahir untuk mengajar mata pelajaran yang baru ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan menguruskan kursus "in-service", dengan izin, kepada guru-guru untuk meningkatkan mereka dalam mata pelajaran ini.

#### BUKU TEKS—BEKALAN KEPADA MURID-MURID

**2. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Biro Buku Teks di Kementerian beliau bagi menentukan bekalan buku-buku teks untuk murid-murid adalah mencukupi dan penerbit-penerbit hendaklah membekalkannya ke sekolah-sekolah selewat-lewatnya sebelum bulan Januari 1985, memandangkan bahawa tiap-tiap awal tahun terdapat ramai murid-murid sukar mendapat buku-buku teks ini kerana sudah habis stok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak perlu cepat-cepat Yang Berhormat. Tenang-tenang.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa pembekalan buku-buku teks adalah mencukupi dan disampaikan ke sekolah dengan awal adalah seperti berikut:

- (1) sekolah-sekolah diarah menghantar maklumat keperluan lebih awal;

- (2) maklumat keperluan dari sekolah-sekolah sentiasa dikemaskinikan;
- (3) penerbit-penerbit juga diberitahu lebih awal mengenai anggaran bilangan buku yang diperlukan;
- (4) Kementerian Pelajaran sentiasa memonitorkan pembekalan buku-buku teks melalui perhubungan rapat dengan penerbit-penerbit dan sekolah-sekolah.

### PERTUBUHAN NEGARA- NEGARA ISLAM (OIC)

**3. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sehingga ini sejauh manakah Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) telah berjaya menyatukan semula dan mendamaikan pertelingkahan dan perpecahan beberapa buah negara anggotanya yang membawa kepada peperangan yang berlarutan mengakibatkan rakyatnya terus menderita; dan
- (b) apakah langkah-langkah atau cadangan yang lebih berkesan yang sedang dilaksanakan oleh Pertubuhan ini kepada negara Israel yang berdegil untuk berundur dari sebahagian negara-negara Arab yang dikuasainya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Shelkh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, (a) seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum sememangnya matlamat utama penubuhan OIC ini ialah untuk menghasilkan perpaduan ummah serta kerjasama yang rapat di kalangan negara-negara Islam. Walaupun masih wujud pertelingkahan di kalangan negara-negara Islam OIC telah secara umum dapat mengusahakan

perpaduan dan kerjasama ini melalui usaha-usahanya di dalam bidang politik, ekonomi dan juga kebudayaan. Untuk mencapai tujuan ini OIC telah mengambil langkah-langkah tertentu dalam masalah yang timbul di kalangan negara-negara anggota. Sepertimana yang telah dinyatakan di Dewan yang mulia ini soal penggantungan keanggotaan Mesir dalam OIC telah mengakibatkan keretakan ke atas perpaduan anggota OIC dan umat Islam seluruhnya. Memandang kepada hakikat inilah, Sidangan Kemuncak OIC di Cassablanca bulan Januari lalu telah menerima kembali Mesir di dalam OIC. Kita sedar akan kepentingan ini dan dengan bangganya saya menyatakan sekali lagi bahawa kita telah memainkan peranan penting dalam Sidangan Kemuncak itu.

Satu lagi tanggungjawab OIC yang masih diusahakan ialah mengenai masalah pertelingkahan Iran-Iraq. OIC sedar akan akibat buruk jika ianya dibiarkan berlarutan oleh kerana ianya bukan sahaja telah mengakibatkan banyak nyawa malah juga harta dan wang ringgit yang telah hilang dan terkorban yang boleh disalurkan untuk faedah negara-negara Islam seluruhnya. OIC juga telah mengambil usaha-usaha tertentu bagi menyelesaikan masalah ini dengan menubuhkan suatu Jawatankuasa Damai Islam bagi menyelesaikan masalah ini. OIC memberi tumpuan khusus terhadap peranan Jawatankuasa Damai Islam dan yakin bahawa ianya dapat memberi sumbangan penting untuk menyelesaikan masalah di antara kedua-dua negara anggota ini.

Tidak ketinggalan juga kegiatan-kegiatan OIC menerusi jawatankuasa-jawatankuasa serta badan-badan khusus dalam bidang-bidang ekonomi dan kebudayaan juga mencerminkan usaha-usaha OIC di dalam

mewujudkan perpaduan di kalangan negara-negara anggotanya.

(b) Mengenai tindakan Israel di dalam mencero bohi dan menduduki wilayah Arab ini ianya mencabuli Piagam Bangsa-bangsa Bersatu serta peraturan antarabangsa yang ditentang keras oleh OIC dan juga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu sendiri.

Di Sidang Kemuncak Islam yang Ketiga yang telah diadakan di Mekah dalam tahun 1981 dahulu OIC telah menggubal satu rancangan tindakan terhadap Israel. Secara menyeluruhnya rancangan tindakan ini merangkumi usaha-usaha untuk mendedahkan tindak tanduk Israel ini kepada pengetahuan dunia antarabangsa serta menyarankan langkah-langkah sewajarnya sama ada dalam bidang politik ataupun ekonomi. Setakat ini di antara langkah-langkah yang telah dipersetujui di kalangan negara-negara OIC termasuklah memutuskan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara yang memindahkan kedutaannya di Israel dan Tel Aviv ke Jerussalem dan di bidang ekonomi pula negara-negara OIC telah tidak mengadakan apa-apa hubungan perdagangan dengan Israel serta memulaukan barang-barang dagangan Israel.

Saya juga ingin menegaskan di sini tentang perlunya perpaduan di kalangan negara-negara serta umat Islam oleh kerana dengan asas ini sahajalah kita dapat menghadapi dan menentang Israel.

Bagi Malaysia perpaduan kita dengan negara-negara Islam khususnya dengan rakyat Palestin tidak dapat dipersoalkan lagi. Usaha kita di dalam menganjurkan serta menjadi tuan rumah kepada persidangan antarabangsa rantau Asia mengenai soal Palestin pada bulan

Mei, 1983 dan seterusnya peranan aktif kita dalam persidangan antarabangsa mengenai Palestin di Geneva di samping sumbangan-sumbangan oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia merupakan manifestasi sokongan dan usaha Malaysia di dalam mengusahakan pengunduran Israel dari wilayah Arab ini.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu di dalam masalah memperkuatkan persatuan ataupun pertubuhan OIC ini, sejauh manakah peranan ataupun pengaruh kuasa-kuasa besar sama ada untuk memberi kerjasama dalam memperkuatkan pertubuhan ini ataupun pengaruh yang cuba hendak menimbulkan lebih banyak pecah belah.

Kedua, sejauh manakah pula pertubuhan OIC mengharapkan ataupun mendapat sokongan daripada negara Amerika sendiri kerana di dalam masalah pendudukan Israel di bumi Arab adalah campurtangan daripada Amerika sendiri. Saya minta sejauh manakah Amerika memainkan peranan supaya Israel keluar daripada bumi Arab yang diduduki.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu sikap kuasa-kuasa besar mengenai sesuatu pertubuhan memang kita kenali sebab mereka ini lebih mementingkan untuk memajukan kepentingan mereka sendiri. Oleh sebab itu kalau OIC hendak mencapai objektifnya dengan sepenuhnya ataupun dengan lebih berkesan maka ia perlulah memeriksa dirinya sendiri dengan menjalankan tindak tanduknya sendiri untuk memperkuatkan dirinya.

Mengenai sikap Amerika kita sedia maklum bahawa Amerika Syarikatlah yang merupakan penyokong kuat Israel dan kalau sokongan ini tidak

diberi dengan begitu berkesan sekali sudah tentulah Israel tidak dapat bermaharajalela di Asia Barat.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pendudukan Israel terhadap bumi Arab. Memandangkan Israel begitu berdegil untuk berundur keluar tenteranya daripada bumi Arab oleh kerana kekuatan tentera yang ada padanya dan memandangkan bahawa pencerobohan ke atas bumi Arab ini bukan sahaja melanggar prinsip dan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu tetapi juga telah menjatuhkan maruah negara Islam itu sendiri. Jadi, tidakkah OIC pernah memikirkan untuk mengadakan satu pakatan tentera bagi menghadapi Israel yang terus berdegil ini. Jika ada, apakah persiapan-persiapan yang dijalankan bagi menuju ke arah ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sikap Israel mengenai pendudukannya ke atas tanah-tanah Arab itu memang kita sedia maklum tetapi apa yang kita perlu tanya sekarang ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat secara tidak langsung iaitu apakah tindakan-tindakan positif yang boleh dimainkan oleh negara-negara Islam untuk menamatkan pendudukan ini.

Salah satu masalah yang kita hadapi adalah mengenai perpecahan di kalangan negara-negara Islam sendiri tentang cara dan tindak tanduknya untuk menghadapi pendudukan Israel malah bukan sahaja di kalangan negara-negara Islam tetapi juga di kalangan ahli-ahli Palestin sendiri, rakyat Palestin sendiri perpecahan berlaku dengan begitu ketara sekali. Saya rasa kalaulah negara-negara Islam boleh menyelesaikan masalah sesama mereka sendiri dan PLO juga dapat memperkemaskan rumahnya sendiri maka dengan sendirinya masalah pendudukan Israel itu dapat

ditamatkan dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada di antara negara-negara Arab yang dijajah atau yang dicerobohi oleh Israel ialah Lubnan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapakah baharu-baharu ini gagal perundingan Israel dengan Lubnan untuk mengundurkan tenteranya dari selatan Lubnan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dengan sikap kedegilan Israel ini daripada berundur daripada kawasan negara-negara Arab ini, adakah ini menunjukkan bahawa Bangsa-bangsa Bersatu telah gagal dalam menjalankan tugasnya.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi sekali lagi bahawa sikap Israel untuk hendak mengekalkan tanah yang diduduki olehnya sudah tentu satu perkara yang lojik yang kita boleh mengharapkan darinya. Jadi sekali lagi dalam soal Lubnan juga perundingan itu disambung semula dan terhenti dan sebagainya dari semasa ke semasa tetapi lebih-lebih lagi saya nampak masalahnya terdiri di kalangan orang-orang Lubnan sendiri di mana perpecahan berlaku di kalangan puak-puak yang mewakili Kerajaan Lubnan.

Jadi kita memanglah OIC dan juga Malaysia dan negara-negara Islam yang lain selalu berusaha supaya puak-puak atau negara-negara yang berunding dengan Israel itu mempunyai kata sepakat. Kalau kita mempunyai kata sepakat, insya Allah kita akan dapat menghadapi musuh dengan lebih berkesan lagi.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat

penjelasan daripada Timbalan Menteri Luar Negeri mengenai hal timur tengah ini. Sekarang kita tahu bahawa puak-puak Palestin dan PLO sendiri adalah sedang dalam perpecahan. Apakah kesan yang besar dari perpecahan itu yang menyebabkan berlakunya kesulitan bagi mendamaikan puak-puak yang berpecah ini.

Yang kedua soalnya apakah kesan terhadap OIC sendiri dalam memajukan dan meninggikan imej OIC, dengan adanya perpecahan puak-puak dan PLO ini tadi.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, satu kesan perpecahan PLO yang jelas bagi kita semua, ianya memberi peluang dan masa yang lebih bagi Israel untuk memperkukuhkan kedudukannya di tanah-tanah yang didudukinya secara haram. Itulah kesan yang boleh saya nyatakan. Tentang perpecahan di kalangan PLO yang memberi peluang yang baik kepada Israel itu, dukacita saya menyatakan keadaan sekarang ini lebih meruncing lagi dalam masa-masa kebelakangan ini.

Namun demikian, saya rasa memanglah sedang berlaku berbagai-bagai usaha dari OIC dari negara-negara anggotanya dan sebagainya untuk mencari jalan untuk menyelesaikan perpecahan di kalangan ahli-ahli, puak-puak di dalam pergerakan Palestin ini.

Mengenai OIC dan imejnya saya menyatakan bahawa sungguhpun apa yang diketahui mengenai tindakan-tindakan OIC adalah perkara-perkara yang merupakan "sensational" iaitu soal-soal seperti usahanya untuk mencapai penyelesaian kepada peperangan Iran-Iraq dan sebagainya. Tetapi secara penyap-senyap dan oleh sebab perkara-perkara ini tidak merupakan perkara-perkara yang "sensational"

OIC juga sedang memainkan peranan yang berbagai-bagai dalam bidang-bidang yang lain yang dapat membawa kebaikan yang amat sangat kepada masyarakat Islam dalam dunia ini. Misalnya dalam soal-soal pembangunan, sosial dan sebagainya.

Kita mengetahui bahawa Bank Pembangunan Islam adalah merupakan salah satu badan di bawah OIC begitu juga dengan Tabung Perpaduan Islam dan juga badan-badan yang lain yang sentiasa memainkan peranan yang berbagai-bagai untuk memajukan kepentingan Islam merata-rata.

### SUBSIDI BAJA PADI

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan pembaziran sebanyak 70 peratus dalam skim baja Kerajaan untuk menentukan bahawa petani-petani yang miskin akan berfaedah sepenuhnya dari skim subsidi baja.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil semua langkah-langkah yang perlu untuk menjamin supaya subsidi baja padi, yang diberi kepada petani-petani yang mengusahakan sawah, tidak dibazirkan. Langkah-langkah yang dimaksudkan termasuklah mendaftar petani-petani yang layak diberi bantuan dan sawah yang mereka usahakan, menyampaikan bantuan subsidi pada waktu yang diperlukan dan menyediakan khidmat nasihat bagi membantu petani-petani menggunakan baja dengan sempurna.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyentuh atas langkah bagi menghadkan atau mengurangkan pembaziran bagi petani-petani sawah sahaja. Saya hendak tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi

petani-petani yang lain, apakah langkah yang sama untuk mengurangkan pembaziran baja.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada skim subsidi baja bagi petani-petani lain.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pembaziran baja ini wujud disebabkan oleh petani-petani padi terutamanya tidak tahu menggunakan baja ataupun baja yang kita gunakan sekarang ini iaitu baja kimia "chemical fertiliser" tidak sesuai dengan keadaan tanah dan tanaman.

Yang keduanya, adakah pada masa ini kajian dibuat oleh mana-mana bahagian di dalam Kementerian Pertanian untuk mengetahui kesesuaian baja kimia yang kita gunakan ini dari segi sesuai untuk tanah dan untuk tanaman yang tidak memudaratkan kesihatan manusia.

Dan yang ketiga adakah Kerajaan berhasrat untuk mengubah penggunaan baja "chemical fertiliser" kepada "organic fertiliser" di mana kalau menggunakan "organic fertiliser" ini petani-petani boleh dapat tambahan pendapatan sampingan kerana mereka menjual batang-batang padi mereka untuk dijadikan bahan baja.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi petani-petani padi tahu menggunakan baja yang diberikan akan tetapi khidmat nasihat sedang diberikan untuk membantu mereka menggunakan baja dengan sempurna.

Berkenaan dengan sama ada baja kimia yang diberikan sesuai atau tidak, jawapannya ialah tentu sesuai kerana pemberian ini jenis baja yang diberi ini adalah sentiasa dalam

kawalan dan pengawasan pakar-pakar saintis di MARDI.

Berkenaan dengan soalan lain iaitu sama ada "organic fertiliser" digalakkan, ini adalah sentiasa dalam kajian dan penelitian MARDI.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan kelima dengan satu pembetulan. Baris kedua dalam bahagian (a) hendaklah dipinda untuk dibaca "berhubung dengan perasaan anti orang-orang Asia", bukan anti-ASEAN.

#### ANTI ORANG ASIA BAGI AUSTRALIA

5. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pendirian Kerajaan Malaysia khasnya dan negara-negara ASEAN amnya berhubung dengan perasaan anti orang-orang Asia yang mana sentimen tersebut terus membara di Australia; dan
- (b) sama ada Australia bercadang menerima lebih ramai lagi pelajar-pelajar Malaysia ke dalam kolej-kolej dan Universiti-universitinya sebagai tanda Muhibbah Asia-Pasifik; jika ya, sila beri butir-butir lanjut.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pindaan sudah dibuat, saya berharap jawapan saya sedikit sebanyak akan mencerminkan soalan yang asal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa Australia mempunyai sentimen anti ASEAN ataupun anti orang-orang Asia tidaklah tepat. Malahan kesanggupan Australia untuk

bekerjasama dengan ASEAN telah pun dinyatakan oleh Kerajaan itu secara rasmi berkali-kali.

Pada keseluruhannya, kita memang memperakui sikap Australia yang positif ini, malah Australia telah pun dijadikan sebagai salah sebuah negara dallog dengan ASEAN dalam sidang tahunan Menteri-menteri Luar ASEAN.

Di samping itu, Kerajaan Parti Buruh Australia telah juga menyuarakan sikapnya bahawa sebagai sebuah negara Asia-Pasifikianya akan banyak menumpukan perhatian kepada kerjasama di rantau ini, bermakna juga kerjasama dengan rakyat di rantau ini.

Ianya juga menerima hakikat bahawa lama kelamaan masyarakat Australia akan lebih merupakan "Euro Asian". Malaysia mengalulakan sikap dan pendirian Australia ini dan sentiasa menggalakkan supaya Australia lebih mengorientasikan pandangannya ke rantau ini daripada ke Eropah.

(b) Mengenai kemasukan pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti dan kolej-kolej di Australia pula, sebagaimana yang kita sedia maklum Kerajaan kita telah pun mengadakan berbagai-bagai perbincangan dan perundingan dengan pihak Kerajaan Australia mengenai perkara ini. Pihak Australia telah pun menyatakan kepada kita bahawa mereka akan membantu kita sedaya upaya untuk membanyakkan tempat-tempat pelajaran untuk pelajar-pelajar kita di negara itu. Untuk makluman, pada tahun 1985, Kerajaan Australia telah bersetuju untuk memberi tempat kepada seramai 1,717 pelajar kita di institusi-institusi pelajaran tinggi negara itu berbanding dengan 1,640 pada tahun 1984.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Walaupun pentadbiran Perdana Menteri Australia, Encik Hawke adalah bersikap yang patut tetapi sebahagian besar di antara rakyat Australia juga menimbulkan perasaan yang tidak begitu sihat sehingga kenyataan, "Two Wongs cannot make a White" juga disuarakan dalam suratkhobar, televisyen ataupun Parlimen. Dan jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar khususnya memandangkan bahawa isu ini akan menjadi isu yang besar di dalam pilihanraya umum yang akan datang di Australia, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mengemukakan satu memorandum kepada Kerajaan Australia terhadap perkara ini?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui media massa di Australia adalah merupakan media massa yang paling bebas di dunia ini. Oleh sebab itu kita tidaklah boleh hentikan media massa itu untuk menonjolkan pandangan-pandangan beberapa golongan minoriti di Australia.

Namun demikian, saya rasa soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidaklah begitu besar dan dari konteks kepentingan Malaysia sendiri, saya rasa tidaklah harus membimbangkan kerana orang-orang Malaysia yang hendak pergi ke Australia adalah merupakan pelajar-pelajar semata-mata. Kita tidak mempunyai satu dasar untuk menggalakkan orang-orang kita, rakyat kita pergi bermastautin di Australia tetapi kalau ada rakyat Malaysia yang hendak pergi bermastautin di Australia oleh sebab tidak puas hati dengan sikap Malaysia, kita hanya mengucapkan mereka "Selamat Tinggal" sahaja. Itu tidaklah merupakan masalah bagi kita.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan bahawa

ASEAN ada mengadakan sidang dailog dengan Australia secara tahunan. Apa yang saya hendak ketahui ialah sama ada hasil daripada sidang dailog yang diadakan tahunan itu memberi kesan yang bermakna kepada ASEAN dan adakah hasil-hasil itu memberi kepuasan kepada ASEAN di mana kerjasama yang begitu erat atau bantuan-bantuan teknikal diberikan oleh Australia terhadap negara ASEAN ini memberi kepuasan kepada Kerajaan-kerajaan dan rakyat sekalian.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, dalam dailog-dailog yang berkenaan memanglah kita membincangkan berbagai-bagai kerjasama sosial, ekonomi dan sebagainya dan banyak juga perkara-perkara yang kita rasakan memberi kepuasan kepada ASEAN pada keseluruhannya dan juga ada berbagai-bagai perkara yang lain yang tidak memberi kepuasan tetapi perkara-perkara yang tidak memberi kepuasan itu kita masih berikhtiar untuk berunding dan menyelesaikannya.

### PROJEK LEMBAH SUNGAI GOLOK—KEMAJUAN

**6. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan hingga sekarang sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam rancangan Projek Lembah Sungai Golok. Bilakah perkhidmatan feri yang diura-urakan bagi menyambung daerah Narathiwat dengan Pengkalan Kubur akan dilaksanakan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Pembangunan Pertanian Lembah Sungai Golok adalah merupakan hasil perjanjian dua-hala antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand pada tahun 1979.

Bantuan negara Australia telah diperolehi untuk mengkaji kemungkinan projek secara menyeluruh. Satu "Reconnaisance Study Team" telah dihantar oleh Kerajaan Australia dalam bulan September, 1980 di mana berikutan dari kajian awal ini satu "feasibility study" atau kajian kemungkinan dipersetujui untuk dijalankan. Kajian ini telah dijalankan pada bulan September, 1983 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1985.

Sehingga ini Kementerian Pertanian baru menerima laporan "interim" dari pihak perunding yang dilantik oleh Kerajaan Australia. Laporan ini mengemukakan beberapa cadangan pembangunan di kawasan projek seperti berikut:

#### (a) PROJEK-PROJEK BERSAMA YANG DICADANGKAN—

##### (i) *Empangan Golok I*

Empangan ini dianggarkan berupaya menyimpan 120 juta kubik meter air. Seluas 6,000 hektar dijangka dapat diairi dari empangan ini di kedua-dua tebing Sungai Golok, di mana dalam Malaysia empangan ini dapat membekalkan air untuk tanaman padi dua kali setahun di skim-skim Rantau Panjang dan skim sekitarnya.

##### (ii) *Kawalan Banjir*

Projek ini melibatkan perluasan Kuala Sungai Golok dan pembinaan benteng di kawasan-kawasan tebing yang rendah, serta pembaikan Sungai Lancang.

##### (iii) *Pembaikan Muara Sungai*

Projek ini melibatkan pendalaman muara sungai

supaya perjalanan bot-bot nelayan tidak terhalang dan memudahkan pengaliran air.

**(b) PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH PELAKSANAAN KERAJAAN MALAYSIA YANG DICADANGKAN—**

- (i) Pembangunan kawasan Pasir Mas seluas 32,500 hektar melibatkan penanaman semula getah, pembangunan tanah terbiar dan pemulihan skim-skim pengairan.
- (ii) Pemulihan Skim-skim Pengairan Rantau Panjang, Bakat, Alor Pasir, Meranti, Ulu Lemah dan di kawasan Pantai Tumpat.
- (iii) Pembangunan Ternakan.
- (iv) Pembangunan Perikanan melibatkan pengubahsuaian kepada kompleks Perikanan Geting.

Kos pembangunan projek-projek yang dicadangkan belum lagi dikemukakan memandangkan kajian masih lagi di peringkat interim.

Projek-projek ini dijangka dapat memberi faedah kepada lebihkurang 50,000 keluarga di sebelah sempadan Malaysia yang kebanyakannya terdiri dari penanam padi dan pekebun kecil getah. Selain dari faedah di segi pertanian, projek-projek ini juga dijangkakan memberi faedah di segi sosio-ekonomi untuk kedua-dua negara melalui projek-projek kawalan banjir dan pembesaran kuala sungai.

Cadangan-cadangan laporan interim akan dibentangkan untuk dipertimbangkan di mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bersama yang akan bersidang tidak lama lagi.

Berhubung dengan perkhidmatan feri yang menyambung daerah

Narathiwat dengan Pengkalan Kubur, ianya adalah bukan di bawah projek Pembangunan Lembah Sungai Golok.

**LPN—PADI DIBAWA KE KOMPLEK**

7. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah peraturan-peraturan yang boleh dibuat bagi mempercepatkan timbangan dibuat ke atas padi-padi yang dibawa ke kompleks-komplek LPN. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuka kompleks-komplek LPN pada hari-hari cuti hujung minggu atau lain-lain cuti awam pada musim menuai bagi membolehkan petani-petani menjual padi-padi mereka.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, LPN bercadang untuk mengadakan dataran timbangan tambahan di kompleks-komplek bagi membolehkan dua laluan diadakan di kompleks berkenaan kelak. Dengan cara ini ianya dapat mempercepatkan proses pembelian padi yang dibawa dengan lori di kompleks-komplek LPN.

Mengenai cadangan supaya kompleks-komplek LPN dibuka pada hari cuti hujung minggu ataupun cuti awam pada musim menuai, sukalah saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa langkah ini telah pun dilaksanakan.

**Wan Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, apakah pihak Kementerian atau pihak LPN bercadang untuk memberi kuasa atau mewajibkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membeli padi dan juga untuk menolong LPN dalam masalah memudahkan petani-petani ini menjual hasilnya dan juga membantu petani-petani.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, memang di setengah-tengah tempat L.P.P. wakil pembeli untuk pihak LPN.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

*(Soalan No. 8 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).*

### **POLIS LAUT— MEMBESARKAN**

**9. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membesarkan lagi Polis Laut untuk mengawal perairan Malaysia daripada aktiviti jenayah seperti penyeludupan manusia, barang-barang haram dan lebih merbahaya lagi pada masa ini ialah penyeludupan dadah; jika ia, nyatakan rancangan-rancangan itu dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membesarkan lagi cawangan Polis Laut kerana keanggotaan dan kelengkapan yang ada sekarang sudah memadai bagi mengawal keselamatan perairan negara kita. Bagaimanapun menjelang Rancangan Malaysia Ke Lima, kemungkinan cawangan ini diperbesarkan sesuai dengan perkembangan penduduk, beban tugas dan keadaan keselamatan semasa.

Pembesarannya juga adalah bergantung kepada keadaan ekonomi negara kita pada masa itu.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk membesarkan

cawangan Polis Laut. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang ataupun akan menyelenggarakan Unit Kawalan Keselamatan Laut yang diambil terdiri daripada pemuda-pemuda nelayan supaya kawalan itu lebih rapi lagi oleh orang-orang yang tinggal di perairan lautan kita.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya terangkan tadi bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk membesarkan Unit Polis Laut pada ketika ini memandangkan bahawa kecekapan pegawai-pegawai dan anggota-anggotanya setakat ini yang menjalankan tugas di seluruh perairan Malaysia amat memuaskan.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai perangkaan berasingan mengenai kes-kes penyeludupan manusia, barang-barang haram dan dadah yang ditangkap oleh Polis Laut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya ada butir-butir yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tetapi saya perlulah memberi jawapan cara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyatakan bahawa anggota . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seorang sekalilah—jangan bersungut.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** . . . . . anggota Polis Laut telah cukup. Tetapi adakah Timbalan Menteri sedar bahawa setengah daripada kapal-kapal ataupun bot-bot kepunyaan Polis Laut terlalu uzur dan kurang kalau dibandingkan dengan bot-bot penyeludupan-penyeludupan ataupun

lanun-lanun misalnya dalam kawasan saya yang amana "Sea King" kita tahu "Raja Laut" yang bernama Ah Mong itu, dia punya bot lebih laju, lebih kuat daripada bot-bot kepunyaan Polis Laut. Jadi, apakah langkah-langkah Kementerian supaya dapat bot-bot ini diperbaiki daripada semasa ke semasa.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang disedari bahawa terdapat sebahagian kecil bilangan kapal-kapal kepunyaan Polis Laut yang amat daif tetapi kita mempunyai kapal-kapal yang amat moden terdiri daripada kapal ronda jenis PZ, sebanyak 15 buah, dan 33 buah jenis PX iaitu jenis yang laju dan paling moden.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, di kawasan Yang Berhormat iaitu di bahagian utara mengikut kawasan Polis Laut terdapat 69 biji buah kapal termasuk kapal ronda PZ empat biji dan PX 10 biji. Saya percaya Polis boleh mengawal musuh negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan jika Ahli Yang Berhormat boleh memberi maklumat yang tepat mungkin kita boleh menangkapnya.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Marah tadi Kemaman tidak panggil. Tadi sudah beri sekali peluang.

**Tuan Ismail bin Said:** Dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa Kementerian beliau tidak bercadang untuk membesarkan lagi Polis Laut. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah terjadi kepada rancangan pembinaan Pengkalan Marin Polis di Kemaman di mana tanah swasta telah pun diambil balik. Adakah projek ini akan juga turut dibatalkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi, buat sekarang tidak ada rancangan untuk membesarkan cawangan Polis Laut, tetapi menjelang Rancangan Malaysia Keempat Insya Allah, mungkin terdapat rancangan untuk membesarkannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian di negara kita ini ada dua kawasan perairan, iaitu:

- (1) Perairan Wilayah Malaysia yang dikawal oleh anggota Polis, dan
- (2) Zon Ekonomi Eksklusif yang dikawal oleh Tentera Laut Diraja Malaysia.

#### WANG PALSU DI SABAH

**10. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan mereka yang ditangkap kerana memiliki wang palsu di Sabah dan berapakah jumlah wang palsu yang dapat dikesan oleh Polis di Sabah daripada tahun 1976 hingga 1984.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1976 hingga Oktober 1984, sejumlah 190 orang telah ditangkap di Sabah kerana mengedar atau memiliki wang palsu di mana 70 orang daripada mereka telah didakwa dan didapati bersalah oleh mahkamah. Dalam tempoh masa yang sama juga sejumlah \$1,602,930 Malaysia, 1,111,000 dolar Amerika dan rupiah Indonesia telah dirampas oleh pihak Polis.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya tahu daripada Timbalan Menteri, wang palsu yang didapati ditangkap adakah dicap di Malaysia ataupun di negara-negara lain. Sekiranya tidak dapat dikesan daripada negara-negara lain, dari

negara manakah, dan adakah ini daripada satu daripada usaha-usaha komunis ataupun daripada orang-orang dalam rakyat Malaysia sendiri. Terima kasih.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, daripada penyiasatan yang dijalankan, wang palsu di Sabah, (oleh sebab soalan ini khusus pada negeri Sabah) telah masuk melalui "barter traders", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di antara rakyat Filipina dan rakyat Indonesia dengan penduduk-penduduk rakyat Malaysia di Pelabuhan Sabah. Malangnya, punca wang palsu ini yang kebanyakannya dicetak belum dapat dikesan tetapi dipercayai ianya datang daripada negara-negara jiran. Walau bagaimanapun, kita masih dan sedang menjalankan usaha berbincang dengan negara-negara ASEAN melalui Aseanapol dan seterusnya untuk mendapat kerjasama daripada mereka mengesan sindiket yang mencetak wang palsu ini.

**Tuan Haji Seroji bin Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan apa yang berlaku di negeri Sabah, jadi kalau boleh tolong terangkan di Semenanjung Malaysia atas masalah yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila ulangi soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Saya ingin tahu, tadi masalah penangkapan wang palsu dan sebagainya, tadi telah diterangkan apa yang berlaku di Sabah, oleh kerana Semenanjung ini lebih dekat, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan juga masalah yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa sebab soalan khusus ditujukan berkenaan dengan perkara di Sabah

agak sukar bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengadakan butir-butir untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat. Oleh itu juga soalan ini tidak secara langsung merupakan soalan yang terkeluar daripada konteks.

Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

*(Soalan No. 11 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir).*

### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA)— PERUNTUKAN

**12. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian telah meluluskan dan memperuntukkan wang bagi pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) bagi tahun 1984 di negara ini dan apakah bilangan yang telah diluluskan dan sama ada bilangan mencukupi bagi bilangan murid di mana ibubapanya mahu anak-anak mereka mempelajari dalam sekolah-sekolah ini dan jika tidak, mengapa.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah menyediakan peruntukan sebanyak \$42 juta dalam tahun 1984 untuk membina sekolah-sekolah rendah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Namun begitu, dalam melaksanakan projek-projek pembangunan ini pertimbangan perlu juga diberi kepada keperluan dan kepentingan kebangsaan sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dalam pada itu Kerajaan adalah juga memberi perhatian kepada keperluan sectorial. Umpamanya, dalam tahun 1984 peruntukan bagi 57 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) telah pun disediakan. Kemudahan-kemudahan yang ada sekarang adalah mencukupi bagi menampung

keperluan pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah tersebut.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu dari peruntukan-peruntukan yang tersebut berapa buah sekolah rendah Cina yang baru akan dibina, dan peruntukan ini adakah bagi memperluaskan kemudahan-kemudahan sekolah-sekolah itu.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan asal, saya telah menjawab. Sekolah yang dibina adalah 57 dalam tahun 1984.

Soalan keduanya, bolehkah Yang Berhormat itu ulang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat ulang balik?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan saya ialah, dari peruntukan yang tersebut tadi, berapakah digunakan untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan atau membina sekolah yang baharu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah peruntukan tadi digunakan untuk memperluaskan sekolah-sekolah yang sedia ada ataupun digunakan untuk dibina sekolah-sekolah yang baharu ataupun kedua-duanya sekali.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Kementerian Pelajaran telah membelanjakan sebanyak \$6.9 juta di bawah Rancangan Modal dan di bawah Rancangan Penuh bagi SRJKC. Jumlah . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa kalau Yang Berhormat tidak ada butir-butir berkenaan, Yang Berhormat boleh minta notis.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Saya tidak ada butir-butirnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat minta notis.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Ya.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baharu-baharu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada melawat Kuching khususnya satu sekolah rendah di Kuching yang namanya Sekolah Rendah Chong Hua Ke 3, kalau saya tidak silap, di mana semua bilik darjah adalah dalam keadaan robak-rabek—yang akan jatuh dan permohonan pun telah dibuat oleh Lembaga Sekolah itu untuk menambahkan peruntukan daripada Kementerian Pelajaran supaya satu bangunan yang baharu dapat dibina. Soalan saya ialah sama ada pihak Kerajaan akan menimbangakan untuk berbuat demikian.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Yang Berhormat akan bertanya soalan itu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah melawat sekolah itu dan saya bersetuju bahawa sekolah itu hendaklah dibaiki atau dibina semula. Sekolah itu ialah di bawah Rancangan Bantuan Modal sebagai Yang Berhormat telah faham. Apabila saya melawat Sarawak pada 1hb Oktober saya telah menerima satu memorandam untuk memohon peruntukan \$2.9 juta untuk membina semula sekolah itu. Sebagai Yang Berhormat sedia faham, bahawa Pejabat Pelajaran Sarawak hanya menerima peruntukan \$2.8 juta pada tahun 1984, maka mustahillah pejabat membelanjakan semua peruntukan untuk sebuah sekolah sahaja. Tetapi saya ada mencadangkan bahawa saya akan bersetuju memberi peruntukan sebanyak \$150,000 dalam tiga peringkat iaitu \$50,000 untuk satu tahun hingga 3 tahun. Setakat ini saya belum tahu sama ada sekolah itu menerima cadangan saya atau tidak

kerana sekolah itu masih belum memberi jawapan terhadap tawaran saya itu.

### **RUMAH AWAM KOS RENDAH DI SARAWAK**

**13. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah harga murah yang dibina dalam tahun 1982, 1983 dan 1984 di Negeri Sarawak dan berapa daripada rumah ini dibina oleh Kerajaan dan sehingga sekarang berapakah rumah-rumah yang masih belum dibina berbanding dengan sasaran Kerajaan bagi tahun-tahun tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keempat sasaran program perumahan awam kos rendah bagi negeri Sarawak ialah 6,793 unit. Daripada jumlah ini sebanyak 5,749 unit telah diluluskan untuk pelaksanaan. Jumlah sebanyak 5,749 unit ini adalah di dalam berbagai peringkat kemajuan. Sebanyak 849 unit telah pun siap dibina dalam tahun 1981, manakala dalam tahun 1982 sebanyak 1,259 unit dibina. Dalam tahun 1983 sebanyak 712 unit lagi telah disiapkan, manakala rumah yang telah siap dibina dalam tahun 1984 setakat 30hb Jun 1984 ini ialah sebanyak 278 unit. Baki sebanyak 2,651 unit daripada unit yang diluluskan sebanyak 5,749 unit tadi, adalah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Kesemua projek-projek perumahan awam kos rendah di negeri Sarawak dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Bandar Negeri Sarawak.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri yang telah diberikan angka-angka yang begitu banyak untuk perumahan kos rendah di Sarawak, saya ingin bertanya bentuk rumah ini adakah bentuknya sama dengan pelan rumah murah di Semenanjung Malaysia ini ataupun cara rumah panjang yang sesuai kepada penduduk di Sarawak kerana ini lebih murah lagi.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bentuk rumah ini adalah tiga jenis. Yang pertama, rumah sesebuah, yang keduanya, rumah teres dan yang ketiganya dalam bentuk rumah panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Chan Kok Kit tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed.

### **PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI**

**15. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negeri mengikut komposisi kaum sekarang ini. Dan apakah tindakan Kerajaan yang sewajarnya bagi menimbang antara kaum, dalam peluang-peluang mendapat pelajaran tinggi di luar negeri.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri pada tahun 1982 adalah seramai 52,015 orang. Daripada jumlah ini 10,611 orang atau 20.4% adalah pelajar bumiputera dan 41,404 orang atau 79.6% adalah pelajar bukan bumiputera.

Angka untuk tahun 1983 sedang disusun dan belum dapat diberikan. Kerajaan sedang meningkatkan lagi

pengambilan pelajar-pelajar bumiputera untuk dihantar keluar negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

*(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin Piah bin Haji Mat.

*(Soalan No. 17 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berbalik semula kepada soalan-soalan yang belum dijawab. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

#### **YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA**

**11. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam yang telah diwujudkan sejak beberapa lama dahulu akan memulakan operasi dengan cergas dan berkesan untuk dimanfaatkan kepada mereka yang berhak menerimanya. Atau memperkukuhkan kedudukan ekonomi orang Islam di negara ini keseluruhannya; dan
- (b) bagaimanakah caranya Yayasan ini untuk mendapatkan pelaburannya. Adakah terbatas kepada pekerja-pekerja Islam di sektor awam semata-mata dengan cara pemotongan gaji mereka \$1 sebulan seperti yang diura-urakan itu atau terbuka kepada semua umat Islam di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) telah diwujudkan dan diperbadankan di bawah Trustee (Incorporation) Ordinance, 1952 pada tahun 1976. Yayasan ini telah disusun semula dan dilancarkan pada 20hb Julai, yang lalu. Tujuan penyusunan semula ini di antara lain ialah untuk mengemaskan pentadbirannya dan meluaskan bidang kegiatan yang telah dilaksanakannya. Seramai 15 orang terdiri daripada golongan ulamak, intelektual Islam dan profesional pengurusan dan perniagaan telah dilantik menjadi ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanahnya yang baru.

Pada masa ini Yayasan ini sedang disusun dan dikemaskan pentadbirannya termasuk mengambil kakitangan sepenuh masa. Adalah dijangka Yayasan ini akan mula menjalankan operasinya dengan cergas dan berkesan mulai awal tahun hadapan.

Mengenai bahagian dua daripada soalan itu, matlamat utama Yayasan ini ialah untuk mengumpul sebanyak mungkin sumbangan amal jariah dari punca-punca dalam negeri khususnya dan melaburkan bahagian-bahagian tertentu dari harta terkumpul ini dengan matlamat akhir untuk menggunakan punca pendapatan ini untuk kerja-kerja amal jariah dan kebajikan bagi faedah masyarakat Islam.

Untuk mengumpul sumbangan amal jariah ini, Yayasan akan melaksanakan dua cara pungutan. Yang pertama, ialah menerusi skim sumbangan melalui potongan gaji bulanan secara sukarela daripada kakitangan awam dan swasta yang bergaji tetap. Cara kedua ialah skim sumbangan melalui resit amal jariah di mana semua golongan dalam

masyarakat dapat menyumbangkan kepada Yayasan melalui resit-resit amal jariah yang akan disediakan di semua kaunter di Pejabat Cawangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Bank Islam Malaysia Bhd.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya pun tertinggal tadi Soalan 8. Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

### TANAH TERBIAR— RANCANGAN

**8. Tuan Sim Kwang Yang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan-rancangan yang sedia ada untuk menggerakkan semula beribu-ribu tanah subur yang tidak diusahakan seperti bendang-bendang pada yang dibiarkan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan beberapa rancangan khusus bagi menggalakkan dan membantu tuan-tuan tanah supaya membaik pulih tanah-tanah mereka yang terbiar tetapi didapati sesuai, ekonomik dan berjaya, maju jika diusahakan dengan kegiatan-kegiatan pertanian atau ternakan. Rancangan-rancangan tersebut termasuklah pemulihan tanah terbiar yang dilaksanakan bersama di antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, rancangan pembangunan kampung dan luar bandar secara berkelompok dan rancangan-rancangan pembangunan pertanian bersepadu yang telah dilaksanakan dengan meluas di seluruh negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14, 16 dan 17 adalah diberi di bawah ini).*

### ISTERI ASING WARGA- NEGARA MALAYSIA

**14. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) jumlah isteri-isteri asing warganegara Malaysia yang kini memegang—

- (i) pas lawatan tahunan;
- (ii) taraf pemastautin tetap;
- (iii) permit kerja, dan

(b) bilangan isteri-isteri asing yang telah memohon

- (i) pas lawatan tahunan;
- (ii) taraf pemastautin tetap;
- (iii) permit kerja.

nyatakan jumlah yang berjaya, jumlah yang sedang diproses dan jumlah yang ditolak.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah isteri-isteri asing warganegara yang telah memohon dan mendapatkan pas lawatan tahunan, taraf pemastautin tetap dan pas kerja adalah seperti berikut—

(i) pas lawatan tahunan	599 orang
(ii) taraf pemastautin tetap	16 orang
(iii) pas kerja	72 orang

### BARANG-BARANG KEPERLUAN HARIAN—MENURUNKAN HARGA

**16. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menurunkan harga barang-barang keperluan harian seperti beras, gula, minyak masak berikutan dengan penurunan harga susu pekat yang mana susu bukanlah satu makanan keperluan bagi rakyat di luar bandar, jika ya bilakah lain-lain barang keperluan akan diturunkan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Pada masa sekarang barang-barang yang diawasi harga oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah gula, tepung, susu pekat manis penuh krim, susu pekat manis isian, simen, batang-batang besi keluli, "wire rod" dan barang-barang petroleum. Bagi barang-barang ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengkaji kos pengeluaran dan harga dari masa ke semasa. Malahan bagi barang-barang petroleum (petrol premium, petrol regular, diesel, minyak tanah dan LPG untuk rumahtangga) harganya diulangkaji tiap-tiap bulan. Jika didapati perlu Kerajaan akan mengubah harga mengikut keadaan.

Mengenai minyak masak, harganya bergantung kepada kos bahan mentah dan kos pengeluaran dan selalunya perubahan harga minyak masak adalah disebabkan oleh perubahan harga bahan mentah seperti kelapa sawit, kopra dan sebagainya. Lagi pun banyak jenis minyak masak yang terdapat dalam pasaran; dan bagi satu jenis minyak masak pengguna mempunyai pilihan dari segi jenama. Oleh itu pengguna hendaklah sentiasa membanding harga dan membuat pilihan apabila membeli minyak masak.

Pada umumnya harga runcit minyak masak beberapa bulan kebelakangan ini telah turun berbanding dengan harga pada awal tahun ini. Harga runcit minyak masak pada masa ini mencerminkan harga bahan mentah.

#### KAMPUCHEA—PERANAN ASEAN

**17. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan benarkah pihak Vietnam bersedia membincangkan keamanan di Kampuchea tanpa syarat

berdasarkan rancangan damai ASEAN dan negara Indochina. Jika benar apakah tindakan yang telah diambil oleh negara-negara ASEAN bagi mewujudkan keamanan dan memulihkan kehidupan rakyat Kampuchea serta memastikan mereka membentuk sebuah Kerajaan yang bebas, merdeka dan berdaulat.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas itu adalah merupakan salah satu daripada beberapa kenyataan Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach mengenai soal Kampuchea yang telah dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan tidak lama dulu iaitu di saat-saat sebelum Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu dimulakan.

Dalam pertemuan Menteri Luar kita dengan Encik Co Thach di New York pada awal bulan Oktober yang lalu, kita telah meminta beberapa penjelasan dari beliau mengenai "cadangan-cadangan" Vietnam sebagaimana yang dilaporkan itu.

Dari apa yang telah dijelaskan oleh Encik Co Thach, adalah didapati pendirian Vietnam mengenai soal Kampuchea nampaknya tidak berganjak daripada sikapnya dahulu. Vietnam masih mengenakan syaratnya apabila membincangkan soal-soal pokok mengenai Kampuchea seperti soal hak rakyat Kampuchea menentukan masa depan mereka, (self-determination), pendamaian negara (national reconciliation) dan pilihanraya bebas bagi rakyat Kampuchea. Vietnam juga masih lagi tidak mahu menerima cadangan ASEAN dan masyarakat antarabangsa supaya semua puak-puak rakyat di Kampuchea diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam proses pendamaian negara dan pilihanraya bebas di Kampuchea. Sebaliknya Vietnam mahu kekalkan terus rejim

boneka Heng Samrin mereka di Kampuchea. Pendek kata, Vietnam masih belum lagi bersedia untuk mencari penyelesaian politik ke atas soal Kampuchea.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa konflik di Kampuchea adalah merupakan konflik antara Vietnam dengan rakyat Kampuchea dan bukannya antara Vietnam dengan ASEAN. Oleh kerana itu ASEAN menggalakkan supaya rundingan-rundingan diadakan di antara Putera Sihanouk, selaku Presiden Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dengan Vietnam untuk mencari penyelesaian secara damai di atas soal Kampuchea. Namun demikian, ASEAN tetap menaruh penuh minat ke atas segala persoalan mengenai Kampuchea ini oleh kerana Kampuchea adalah negara jiran kepada negara ASEAN. Apa yang berlaku di negara tersebut akan membawa kesan kepada negara-negara ASEAN sama ada secara langsung ataupun tidak langsung terutama sekali bagi negara Thailand yang bersempadan dengan wilayah Kampuchea. Oleh kerana ini ASEAN senantiasa membuka pintu untuk rundingan-rundingan serius dengan Vietnam supaya satu penyelesaian dapat dicapai di atas masalah Kampuchea ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Tuan Radzi bin Haji Sheikh Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan—

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Buruh dan

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah diluluskan dan perbincangan atas peruntukan Kementerian Pengangkutan dimulakan.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga peruntukan di atas Kementerian Buruh dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah diluluskan dan perbincangan atas peruntukan Kementerian Pengangkutan dimulakan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam

Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis”  
(Hari Ketigabelas).

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B. 47 (Jadual)—*

*Maksud P. 47 (Anggaran  
Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 47 dan Maksud P. 47 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk perbincangan. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.34 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Abu Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya sukalah mengambil bahagian dalam membincangkan masalah Kementerian ini. Saya ingin merujuk kepada muka surat 223, Maksud Bekalan 47, Kementerian Buruh, Butiran 2—Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, selepas kita mencapai kemerdekaan, boleh dikatakan di tiap-tiap negeri terdapat kawasan perindustrian. Apabila kita sebut perindustrian dan perkilangan, wujud dua faktor, pertama ekonomi iaitu industri atau kilang yang merupakan majikan dan kedua buruk yang merupakan pekerja-pekerja. Tuan Pengerusi, pernah kita dengar bahawa dua-dua faktor ekonomi ini iaitu majikan dan pekerja berganding rapat di antara satu sama lain dan perhubungan industri kedua-dua faktor tersebut saling hormat menghormati dan untuk satu tujuar iaitu untuk mencapai keuntungaran maksima bagi sesuatu industri atau kilang.

Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen Sungai Petani terdapat dua kawasan yang telah diperuntukkan

untuk kegiatan perindustrian iaitu kawasan perindustrian Bakar Arang dan Tikam Batu. Di kawasan-kawasan tersebut terdapat berjenis-jenis kilang, ada yang membuat barang-barang elektronik, lilin, kain, alat-alat hospital, batteri, alat-alat gantian kereta dan sebagainya. Perkembangan perindustrian sedemikian sungguh menggalakkan, terutama sekali untuk pertumbuhan ekonomi dan juga mengurangkan pengangguran, tetapi amat dukacita sekali nasib pekerja-pekerja kilang tidak terbelah.

Tuan Pengerusi, saya telah mendapat maklumat daripada dua buah kilang di kawasan perindustrian Bakar Arang tidak mengambil berat dan tidak bertimbangrasa terhadap pekerja-pekerja mereka, kilang-kilang yang saya maksudkan dan sebutkan di sini mengutamakan keuntungan sahaja.

Saya setuju bahawa tiap-tiap perniagaan harus ada keuntungan. Di sebalik itu, pihak majikan harus mengkaji siapakah yang terlibat di dalam keluaran barang-barang untuk dijual, untuk mendapat keuntungan, jawapannya adalah pekerja-pekerja kilang dari beberapa kilang di situ.

Tuan Pengerusi, saya juga telah menerima laporan tentang tektik yang digunakan oleh majikan di kilang-kilang tersebut. Salah satu daripada cara yang dilakukan adalah mengambil pekerja-pekerja di awal tahun dan membuang pula pekerja-pekerja ini sebelum akhir tahun. Cara ini dibuat supaya pihak majikan tidak perlu membayar bonus kepada pekerja-pekerja tersebut.

Satu lagi cara adalah pekerja-pekerja tidak diberikan kenaikan gaji, sebagai contoh kalau gaji mula bekerja \$300 sampai 5-6 tahun pun \$300, dahulu sama, sekarang pun sama. Perkara ini telah dilaporkan kepada Jabatan Buruh di daerah Sungai Petani untuk disiasat dan jika

perlu diambil tindakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh pun ada melawat di kilang ini, semasa lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri semua baik dan ada perubahan, selepas itu balik semula kepada keadaan yang asal.

Tuan Pengerusi, kita berharap pihak Kementerian, Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri dapat memberi arahan kepada Jabatan-jabatan Buruh di peringkat daerah atau negeri supaya mengadakan lawatan-lawatan mengejut dan memeriksa kedudukan gaji pekerja, layanan dan kebajikan pekerja-pekerja supaya masalah sosial mereka terjamin.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya menetapkan gaji minima pekerja-pekerja kilang di seluruh Malaysia supaya nasib mereka lebih terjamin.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu apabila seseorang pekerja kilang mendapat kemalangan semasa bekerja, apakah pampasan yang boleh dia dapat? Dan selain daripada itu saya juga ingin tahu apabila seseorang pekerja bekerja dengan sebuah kilang juga adakah majikan dimestikan mengambil insuran bagi pekerja tersebut.

Tuan Pengerusi, saya menyokong bagi peruntukan Kementerian Buruh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.45 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh muka surat 223, Maksud B. 47, Butiran No. 2 mengenai Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, saya bercakap atas tajuk Buruh dan Perhubungan Perusahaan. Saya suka mengambil

peluang ini untuk membincang sistem perhubungan perusahaan yang diamalkan di negara ini pada hari ini.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kementerian yang berkenaan mengkaji sistem yang diamalkan oleh negara kita pada hari ini memandangkan bahawa terdapat berberapa kelemahan yang wujud sekarang.

Saya suka membangkitkan untuk makluman Kementerian Buruh mengenai betapa perlunya dipinda Akta Perhubungan Perusahaan dan mengemukakan pindaan kepada Akta ini, dengan tujuan untuk memastikan keadilan kepada pekerja-pekerja yang silap diberhentikan ataupun dibuang kerja.

Saya suka mencadangkan di sini, bahawa Kerajaan hendaklah mengadakan pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan bagi memastikan supaya seseorang pekerja yang silap diberhentikan ataupun dibuang kerja diambil semula bekerja ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, to be reinstated dalam masa 3 bulan, sebagaimana yang disuarakan ataupun disarankan oleh Hakim Datuk Harun Hashim, Presiden Mahkamah Perusahaan, pada baru-baru ini. Peraturan pada anggapan saya hendaklah dirangka seperti berikut iaitu:

Jika seseorang pekerja menganggap bahawa diri mereka telah dibuangkan kerja secara tidak betul ataupun secara tidak adil, jika beliau hendak membantah kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan, maka beliau boleh berbuat demikian dalam tempoh 30 hari, kemudian Jabatan berkenaan hendaklah menyelesaikan kes itu dalam tempoh 30 hari juga dan jika gagal berbuat demikian, ianya hendaklah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Perusahaan hendaklah

juga mendengar kes ini dalam tempoh 30 hari. Ini bermakna bahawa dalam tempoh 3 bulan perkara ini akan diputuskan sama ada pekerja ini boleh dilindungi oleh sesebuah Kesatuan Sekerja atau tidak.

Tuan Pengerusi, cadangan untuk memastikan sesuatu tempoh masa diputuskan ke atas kes-kes pembuangan kerja adalah sangat mustahak kerana keselamatan kerja, pengambilan semula pekerja dan kebajikan si pekerja ini hendaklah dipentingkan. Pada masa sekarang ini tidak boleh dinafikan, bahawa masa yang diambil untuk mengendalikan sesuatu kes mengenai pembuangan kerja adalah sangat lama, kadangkala sesuatu kes ini mengambil tempoh selama satu atau dua tahun dan juga ada tiga tahun untuk mengendalikan satu kes pembuangan kerja untuk pekerja yang mempunyai Kesatuan Sekerja dari masa pembuangan kerja sehingga ke masa keputusan dibuat, dan jika seseorang pekerja diambil semula, pengambilan semula itu hanya merupakan satu lakunan sahaja kerana jawatan yang telah dikosongkan itu telah diisi oleh seorang yang lain, juga orang yang dibuang kerja itu sudah mendapat pekerjaan yang lain.

Memandangkan perkara di atas, Tuan Pengerusi, adalah wajar bagi pihak Kementerian menimbang semula cadangan ini, yang saya sentuh tadi berhubung dengan tempoh 3 bulan untuk memutuskan kes pembuangan kerja. Undang-undang hendaklah juga mengadakan satu peruntukan bahawa dalam kes pembuangan kerja, jawatan yang telah dikosongkan itu hendaklah tidak diisi dalam tempoh tiga bulan, tetapi jika tidak ada bantahan daripada pekerja yang kena buang kerja itu dalam tempoh 30 hari, beliau boleh disifatkan sebagai tidak berminat, maka jawatan itu baru boleh diisi. Jika

pekerja itu membantah, maka jawatan itu dibekukan sehingga keputusan Mahkamah Perusahaan diperolehi. Mahkamah Perusahaan kemudiannya boleh memerintah pengambilan semula pekerja ataupun "reinstatement", dengan izin, dengan cara mudah kerana jawatan itu masih kosong.

Tuan Pengerusi, satu lagi cadangan yang saya ingin kemukakan di sini ialah mengenai Perhubungan Perusahaan, iaitu memberi bantuan kepada pihak yang bertikai supaya meminta Yang Berhormat Menteri Buruh merujuk kes ini ke mahkamah. Sekiranya kedua pihak bersetuju untuk merujuk kesnya ke Mahkamah Perusahaan, maka tidak perlu menghabiskan masa Yang Berhormat Menteri untuk membuat rujukan itu. Yang Berhormat Menteri hanya perlu campurtangan jika beliau menggunakan kuasanya untuk memerintahkan timbangtara ataupun, dengan izin, "arbitration" secara wajib.

Tuan Pengerusi, di sini suka saya juga menyentuh Butiran No. 3 dalam muka surat yang sama, iaitu mengenai Keselamatan Pekerjaan. Mengenai perkara keselamatan pekerjaan, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperkenalkan satu dasar kebangsaan mengenai keselamatan pekerjaan dan kesihatan. Sesuatu dasar itu diperlukan bagi mencegah kemalangan kecederaan dan gangguan kesihatan kepada pekerja-pekerja dengan mengurangkan seberapa boleh sebab-sebab bencana dalam sekitar tempat bekerja. Jika satu dasar seperti ini tidak ada, kita tidak berupaya selama ini untuk menyelesaikan masalah-masalah berhubung dengan keselamatan pekerjaan dan kesihatan dengan cara yang berkesan.

Memandangkan di atas, saya suka mencadangkan, Tuan Pengerusi, di sini bahawa adalah perlu disegerakan untuk memperkenalkan satu Akta di Parlimen yang komprehensif, yang merangka garis panduan dasar-dasar ke atas semua perkara berkaitan dengan keselamatan pekerjaan dan kesihatan. Sesuatu Akta itu diperlukan kerana bertambahnya bilangan kemalangan perusahaan di negara ini. Perangkaan buruh menunjukkan bahawa bilangan kemalangan perusahaan yang dilaporkan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja dan kepada PERKESO telah meningkat dari 39,981 kes dalam tahun 1973 ke 65,898 kes dalam tahun 1981 dan dalam tahun 1982 itu juga terdapat sebanyak 60,564 kes lain yang dilaporkan.

Pada masa ini terdapat 32 jenis undang-undang yang ada untuk melindungi keselamatan pekerjaan dan kesihatan dan ini berbentuk berasingan. Saya berpendapat bahawa inilah masanya supaya satu Akta yang komprehensif digubal bagi menggantikan undang-undang yang sedia wujud. Peningkatan jumlah kemalangan perusahaan di dalam kilang dan perusahaan serta juga di tapak-tapak pembinaan misalnya, yang mana dalam tahun 1980 sahaja terdapat 913 kemalangan dan mengakibatkan 69 kes kematian pekerja. Semestinya pada anggapan saya menjadi satu perkara yang mendapat perhatian berat Kerajaan bagi mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengatasi masalah ini. Pada pandangan saya satu dasar kebangsaan, sepertimana yang saya cadangkan tadi, mengenai keselamatan pekerjaan dan kesihatan adalah sangat perlu diperkenalkan bagi menampung keperluan perusahaan yang berkembang, di samping mengambil berat tentang perkara-perkara kebajikan, kesihatan dan keselamatan para pekerja di negara ini.

Satu perkara yang lain yang saya ingin menyentuh dalam perbahasan saya ialah mengenai Butiran No. 5 yang terkandung dalam muka surat 225 berkaitan dengan Pentadbiran Keselamatan Sosial. Tuan Pengerusi, mengenai perkara keselamatan sosial, saya ingin menyatakan di sini sekali lagi bahawa Kerajaan mestilah bertindak menyusun semula PERKESO, tidak sahaja untuk memastikan pentadbiran insurans sosial yang berkesan dan cekap, tetapi juga untuk menjadikan PERKESO satu Skim Keselamatan Sosial yang benar-benar komprehensif. Pindaan ke atas Akta Keselamatan Sosial Pekerja baru-baru ini yang diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Mac tahun ini, merupakan satu langkah sementara sahaja ataupun dengan izin, "ad-hoc measure" yang tidak memberikan faedah yang banyak kepada para pekerja di negara ini. Pindaan kepada Akta untuk melindungi para pekerja yang berpendapatan \$1,000 ke bawah akan membolehkan Badan PERKESO mengutip lebih banyak keuntungan daripada apa yang dapat memanfaatkan para pekerja yang dilindungi oleh Akta ini.

Sebagai contoh, cadangan untuk menaikkan paras pendapatan dari \$500 ke \$1,000 akan mengakibatkan kepada penambahan pendapatan untuk Badan PERKESO oleh kerana caruman yang dibayar oleh pekerja-pekerja yang berpendapatan lebih \$500 tetapi di bawah \$1,000 sebulan dan ini dijangka meliputi tambahan pekerja berjumlah 400,000 orang pekerja kepada jumlah sekarang 2.3 juta ahli. PERKESO menikmati hasil keuntungan yang tinggi setiap tahun kerana hanya sejumlah kecil faedah dibayar kepada pekerja-pekerja yang diliputi oleh Akta ini. Kerana keuntungan ini, ia juga telah mampu mengumpul harta ataupun aset dari apa yang saya sifatkan sebagai "0" (kosong) dalam tahun 1971 ke jumlah

yang menakjubkan, iaitu sejumlah sebanyak \$360 juta pada akhir tahun 1981.

Perangkaan yang diperolehi daripada laporan tahunannya ada menunjukkan bahawa kurang daripada 10% wang yang diterima oleh badan PERKESO dibayar balik kepada pekerja sebagai pampasan kerana kemalangan, kecederaan atau sakit yang berpunca daripada pekerjaan.

Dalam sepuluh tahun yang pertama operasinya daripada tahun 1971 hingga tahun 1980 PERKESO telah mengutip lebih kurang \$243 juta dari caruman daripada pekerja dan majikan-majikan mereka. Sebaliknya PERKESO membayar keluar sebagai faedah bernilai lebih kurang \$17 juta kepada pekerja yang tercedera dalam kemalangan perusahaan. Dengan demikian daripada jumlah \$243 juta yang dikutip oleh badan PERKESO ini hanya \$23.5 juta atau kurang daripada 10% dibayar balik kepada pekerja sebagai faedah-faedah.

Memandangkan hakikat ini, Tuan Pengerusi, adalah menjadi pandangan saya bahawa dengan kemampuan badan PERKESO ini kita mestilah mempunyai satu Skim Keselamatan Sosial yang benar-benar komprehensif bagi melindungi para pekerja di negara kita.

Saya rasa bahawa PERKESO dengan dikukuh oleh harta yang terkumpul pada masa sekarang cukup matang dan cukup kukuh dan juga cukup teguh untuk memperkenalkan satu Skim Keselamatan Sosial pekerja yang komprehensif yang boleh diluaskan untuk melindungi bencana-bencana baru seperti bersalin, sakit dan persaraan umur tua. Masanya juga telah sampai bagi melanjutkan perlindungan insurans sosial untuk meliputi orang perseorangan ataupun individual, dengan izin, yang bekerja sendiri seperti peladang dan nelayan.

Persoalan untuk memberi perlindungan kepada orang-orang yang bekerja sendiri telah dibangkitkan dalam awal tahun 70an dan Kerajaan sendiri telah menugaskan seorang pakar daripada Pertubuhan Buruh antarabangsa untuk mengkajinya tetapi sehingga sekarang saya tidak nampak apa yang telah berlaku. Oleh hal yang demikian saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya nanti bolehkah memberi sedikit penjelasan tentang perkara ini demi kepentingan orang ramai.

Itulah pandangan-pandangan yang saya ingin menyampaikan dalam perbincangan saya atas anggaran perbelanjaan untuk Kementerian Buruh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan menggolong perbincangan.

*4.04 ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Pengerusi, saya fikir jika Tuan Pengerusi merasai tidak perlu dijawab pun memang patut, kerana pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan Kementerian Buruh ini memang merupakan pandangan-pandangan yang boleh dijadikan panduan dan pertimbangan Kementerian dan direkodkan. Oleh yang demikian saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Kuala Lumpur Bandar. Tetapi oleh kerana keizinan Tuan Pengerusi memberi peluang bagi saya menjawab, izinkanlah saya menerangkan satu dua perkara yang saya fikir perlu diberi penjelasan yang lebih mendalam supaya tidak timbul apa-apa kekeliruan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani menimbulkan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pekerja di dalam kawasan Sungai Petani khususnya dan memang betul di dua kawasan perindustrian di Sungai Petani iaitu Bakar Arang dan Tikam Batu mempunyai banyak tempat-tempat pekerjaan yang memberi peluang pekerjaan, bukan sahaja kepada penduduk-penduduk tempatan tetapi juga kepada penduduk-penduduk di sekitarnya.

Pihak Kementerian Buruh dalam menguatkuasakan undang-undang yang ditugaskan kepada Jabatan-jabatan di bawahnya sentiasa memberi perhatian, meneliti, mengadakan lawatan-lawatan, perbincangan, perundingan serta menerima aduan-aduan daripada pihak pekerja atau wakil-wakil mereka melalui Kesatuan-kesatuan Sekerja atau juga melalui pemimpin-pemimpin masyarakat mereka termasuk Wakil-wakil Rakyat. Oleh yang demikian, kita dapati daripada begitu banyak tempat-tempat pekerjaan, kilang-kilang perusahaan yang ada di kedua-dua kawasan tersebut sehingga pada masa ini aduan-aduan yang agak menonjol berlaku di dua buah kilang sahaja.

Sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri dan sebagaimana rekod yang terdapat di Pejabat Buruh di Kementerian saya, memang benar kami menerima aduan termasuklah aduan yang disampaikan melalui Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani itu sendiri iaitu terhadap satu syarikat—untuk rekod saya minta izin, Tuan Pengerusi, menyebutnya di sini, Euro Medical Industries Sdn. Bhd. di Bakar Arang dan Bakar Arang Industries Estate, P.O. Box No. 18, Sungai Petani, Kedah. Masalah-masalah dan perkara-perkara yang diadakan ini adalah berkaitan dengan layanan oleh pihak majikan, cara-cara pembayaran gaji dan sebagainya sebagaimana yang disebut

oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi dan memang benar saya sendiri memberi perhatian berat dan telah mengadakan beberapa kali lawatan bukan sahaja di kilang yang berkenaan itu tetapi juga di tempat-tempat pekerjaan yang lain di kawasan Sungai Petani. Dengan kerjasama Ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang lain banyak sudah masalah-masalah dapat diselesaikan dan banyak sudah pihak majikan yang menghormati desakan-desakan, arahan-arahan atau amaran-amaran yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Buruh di bawah Kementerian saya. Walaupun demikian sekiranya masih ada masalah-masalah yang berlanjutan, saya memberi jaminan langkah-langkah yang perlu akan diambil dari masa ke semasa dan jika perlu mungkin saya atau pegawai-pegawai saya akan mengadakan lawatan mengejut atau lawatan biasa ke tempat-tempat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga menyebut secara umum, bukan sahaja di kilang-kilang yang diadakan itu tetapi juga di tempat-tempat lain, ada setengah-tengah majikan yang mengamalkan sistem pengambilan kerja sementara iaitu dengan mengambil pekerja pada awal tahun dan memberhentikan mereka yang akhir tahun dengan tujuan tidak mahu membayar bonus atau tidak payah diadakan sistem kenaikan gaji tahunan kepada pekerja-pekerja mereka.

Tuan Pengerusi, amalan seumpama ini memanglah satu perbuatan yang tidak sihat sekiranya pihak majikan dengan sengaja mengambil dan memberhentikan pekerja-pekerja mereka dengan tujuan hendak mengelakkan daripada membuat bayaran-bayaran bonus dan kenaikan gaji. Mengambil peluang di Dewan yang mulia ini, saya ingin menyeru supaya pihak majikan yang berkenaan

yang mengamalkan cara yang demikian supaya memberhentikan perbuatan seumpama itu. Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Buruh dan juga lain-lain Jabatan yang ada kaitan dengan perindustrian ini termasuklah Kerajaan-kerajaan Negeri atau Penguasa-penguasa Tempatan akan sentiasa memberi perhatian menggesa supaya amalan seumpama ini dihentikan oleh pihak majikan-majikan yang berkenaan.

Berhubung dengan kenaikan gaji tahunan bagi pekerja-pekerja, jika dikatakan ada pekerja-pekerja bekerja sampai bertahun-tahun, tiga empat tahun, tidak pernah menerima kenaikan gaji, ini rasa saya adalah suatu sistem yang tidak dilaksanakan mengikut sepatutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menerangkan bahawa tiap-tiap pekerja apabila diambil bekerja oleh satu majikan sepatutnya mestilah melalui suatu kontrak perkhidmatan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak sama ada kontrak itu dibuat secara bertulis atau tidak, tetapi sewajibnya mestilah ada suatu kontrak di mana dijanjikan berapa gaji yang patut dibayar oleh majikan, apakah faedah-faedah lain, berapa banyakkah kenaikan yang patut diberikan tiap-tiap tahun, dan setelah kedua-dua pihak bersetuju, maka baharulah kerja itu dapat dimulakan. Dan seseorang pekerja itu ditakrif sebagai buruh atau pekerja yang sebenarnya dan terikat dengan kontrak itu. Pihak majikan yang membayar gaji atau upah itu merupakan majikan yang sebenarnya yang tertakluk kepada Akta dan Undang-undang berkenaan serta terikat dengan kontrak yang dimaksudkan itu.

Jadi kalau kes seumpama ini berlaku, saya percaya ianya mungkin berlaku dengan dua cara. Yang pertama mungkin pekerja itu bekerja tanpa mempedulikan apakah

kontraknya. Ia barangkali semasa menerima pekerjaan itu dan memulakan kerjanya tidak bertanya tentang apakah akan jadi setelah dia bekerja cukup setahun, dua tahun, tanpa menuntut supaya ianya berhak mendapat kenaikan gaji tahunan. Oleh yang demikian pihak majikan mengambil peluang daripada keadaan ini dan melepaskan tanggungjawabnya dengan tidak memberi apa-apa kenaikan gaji. Satu cara lagi kemungkinan ialah pekerja-pekerja bekerja, ada kontrak perkhidmatan, tetapi pihak majikannya melanggar kontrak ini dan tidak mematuhi. Dan sekiranya cara yang kedua ini berlaku maka Akta Pekerjaan 1955 boleh dipergunakan. Pekerja yang berkenaan boleh mengadu ke Pejabat-pejabat Buruh yang berdekatan dan tindakan boleh diambil, tetapi sekiranya keadaan ini berlaku dengan cara yang pertama seolah-olahnya dianggap bahawa pekerja itu sendiri dengan suka hati menerima pekerjaan itu tanpa sebarang kenaikan gaji bertahun-tahun. Ini saya rasa terpulanglah kepada pekerja itu sendiri mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi, bagi pekerja-pekerja yang menjadi ahli Kesatuan Sekerja mengikut amalan yang berlaku dalam negara kita pada masa ini dan mengikut jentera timbangtara yang disediakan oleh Akta Perhubungan Perusahaan yang juga dikuatkuasakan oleh Kementerian saya, Kesatuan-kesatuan Sekerja memang merundingkan dari semasa ke semasa tentang gaji, syarat-syarat perkhidmatan termasuklah kenaikan gaji tahunan kepada pekerja-pekerja yang menjadi ahli kesatuan. Dan segala persetujuan ini dimaktubkan di dalam satu perjanjian yang dikenal sebagai perjanjian bersama atau "collective agreement" dengan izin, dan ianya didaftarkan di Mahkamah Perusahaan dan pada kebiasaannya di dalam perjanjian bersama ini memang dicatatkan kenaikan gaji yang patut

diberi oleh majikan kepada pekerja-pekerja mereka setiap tahun ataupun dirundingkan dari masa ke semasa.

Dan sekiranya majikan tidak mengamalkan atau tidak mematuhi persetujuan ini, maka pihak kesatuan sekerja yang berkenaan boleh menuntutnya, boleh bertindak melalui saluran-saluran yang ditentukan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga bertanya tentang pampasan, apakah yang boleh diterima oleh pekerja-pekerja sekiranya berlaku kemalangan. Pada masa ini Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dengan ringkasnya, Tuan Pengerusi, memanglah ditubuhkan khusus untuk mengendalikan skim-skim insuran untuk melindungi pekerja-pekerja ini sekiranya pekerja-pekerja menerima kemalangan dan memang mengikut undang-undang itu seorang majikan wajib mendaftarkan pekerja-pekerja mereka sekiranya sesuatu tempat pekerjaan itu mempunyai pekerja 5 orang ke atas.

Dan sekiranya pihak majikan tidak mendaftar, itu merupakan satu pelanggaran undang-undang, satu kesalahan yang boleh dilaporkan dan tindakan-tindakan boleh diambil. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja di tempat yang sepatutnya dilindungi oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) ini memang sepanjang masa mereka dilindungi oleh skim itu sekiranya kemalangan-kemalangan itu berlaku di tempat kerja. Saya tidak mempunyai masa yang cukup di sini, Tuan Pengerusi, untuk menerangkan skim-skim yang pada masa ini dilaksanakan oleh PERKESO. Dan apakala saya menjawab, menyentuh perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar nanti, saya akan cuba memberi penjelasan atas perkara ini secara

serentak supaya perkara ini tidak diulang-ulang.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga supaya diadakan gaji minima pada keseluruhan pekerja-pekerja di dalam negara kita, ini merupakan satu pandangan dan syor di mana seseorang Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat negara kita ini sepatutnya mengemukakan pandangan dan syor-syor seumpama ini dan terpulanglah kepada pihak-pihak yang berkenaan, pihak Kerajaan, pihak orang ramai juga menilai pandangan dan syor ini dan tidak mustahil dari masa ke semasa pandangan seumpama ini diterima dan dilaksanakan, seperti yang Kerajaan kita amalkan pada masa-masa yang lalu. Pada masa ini hanya pekerja-pekerja di empat sektor pekerjaan sahaja, melalui Majlis penetapan gaji kebangsaan, ditentukan gaji minima bagi pekerja-pekerja iaitu sebagaimana yang telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dalam jawapan kepada satu soalan beberapa hari yang lalu bahawa pekerja-pekerja yang bekerja di panggung wayang gambar, pekerja-pekerja di restoran, pekerja-pekerja di Pelabuhan Pulau Pinang dan satu lagi jenis pekerja-pekerja yang ditakrif sebagai pembantu kedai. Empat jenis ini sahaja yang memang telah ada, mengikut undang-undangnya, ditentukan gaji minima.

Majikan tidak boleh membayar gaji rendah daripada had gaji minima yang ditentukan tetapi di dalam sektor-sektor lain belum lagi ditentukan dan ini ada alasannya, ada sebab-sebabnya kenapa ia tidak dilaksanakan pada keseluruhannya pada masa ini dan saya rasa tidak perlulah saya mengambil masa panjang menerangkan sebab-sebab dan alasannya kerana kita ketahui negara kita pada masa ini mengamalkan

sistem demokrasi dan mengamalkan ekonomi bebas atau "free enterprise", jadi tidaklah boleh kita atau tidaklah sepatutnya kita mengawal semua hal dan patutlah ada dibebaskan, hanya pada tempat-tempat tertentu sahaja perlu diadakan undang-undang bagi mengawal sesuatu.

Walau macam manapun, pandangan dan syor Yang Berhormat itu merupakan syor atau pandangan atau cadangan yang popular pada masa ini yang kami terima sama ada melalui dailog-dailog dengan pekerja dan orang ramai di mana-mana sahaja juga. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan itu.

Tuan Pengerusi, saya mengambil masa sedikit lagi bagi menjelaskan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Ahli Yang Berhormat itu dengan panjang lebar mempersertakan sistem perhubungan perusahaan yang diamalkan di negara kita pada masa ini dan saya rasa adalah tidak adil sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mengecam sistem ini, tetapi Ahli Yang Berhormat juga sebagai seorang Wakil Rakyat tentu bebas memberi pandangan dan syor-syornya atas cadangan perubahan-perubahan pindaan kepada Akta yang berjalan pada masa ini, tetapi saya menentang sekiranya Ahli Yang Berhormat mengecam sistem ini kerana sesungguhnya sistem perhubungan yang diamalkan pada masa ini di negara kita telah dapat dilihat dengan nyata hasilnya yang telah dapat mewujudkan suasana perusahaan yang lebih baik jika dibandingkan dengan masa-masa yang lalu.

Pertikaian-pertikaian diselesaikan pada peringkat awal dan melalui jentera timbangtara yang diwujudkan oleh sistem ini pada masa ini. Dan ianya jarang sangat yang menjadi besar merebak sampai ke peringkat

mogok dan pada masa ini tidak dapat, kita nafikan jika kita membuat penilaian yang adil bahawa pertikaian perusahaan yang besar yang sampai ke peringkat mogok telah berkurangan, jika dibandingkan di masa-masa yang lalu.

Dan satu daripada sebabnya bolehlah diberikan pujian kepada sistem perhubungan perusahaan yang diamalkan pada masa ini iaitu melalui sistem ini semua pertikaian mesti dirundingkan antara kedua pihak terlebih dahulu. Tidaklah semestinya semua perkara, pihak Kerajaan yang mengambil tahu, pihak Kerajaan yang mengambil tindakan dan saya rasa sudah tentulah tidak sesuai dan tidak logik kalau semua pertikaian, semua perkara tak puas hati terus Kerajaan yang mengambil tahu, walaupun ianya mungkin baik tetapi saya percaya jika dipertikaikan dari segi kemampuannya, barangkali boleh kita mengadakan undang-undang tetapi tentu kita tidak dapat melaksanakannya dan ianya tidak memberi apa-apa faedah sedikit pun.

Melalui sistem yang diamalkan sekarang semua pertikaian diselesaikan terlebih dahulu melalui rundingan antara kedua pihak dan Akta Perhubungan Perusahaan membenarkan kedua-dua pihak berunding, setelah mereka berunding terpulanglah kepada mereka berapa lama. Ada setengahnya melalui rundingan-rundingan itu dalam satu-dua perundingan sahaja pertikaian dapat diselesaikan tanpa ianya dirujukkan pun ke Kementerian atau ke Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh. Tetapi sekiranya berlaku di mana pertikaian itu tidak dapat diselesaikan dengan serta-merta, masih menemui jalan buntu, maka sebagai peringkat yang kedua pihak yang bertikai boleh merujukkan pertikaian itu ke Pejabat Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh dan Kementerian

Buruh menyediakan pegawai-pegawai yang dinamakan Pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan yang boleh dijadikan orang tengah merundingkan masalah dan pertikaian.

Sesungguhnya melalui amalan itu banyak pertikaian yang diselesaikan setakat itu sahaja tanpa diketahui oleh masyarakat umum. Dan sekiranya langkah itu juga tidak selesai, kebuntuan tidak dapat diatasi, maka peringkat satu lagi kes seumpama itu dirujuk kepada Menteri Buruh. Menteri Buruh boleh membuat pertimbangan dan sekiranya didapati perlu pertikaian itu dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan supaya ianya diputuskan oleh sebuah mahkamah dan keputusan daripada Mahkamah Perusahaan itu merupakan keputusan yang muktamad yang mesti dipatuhi oleh kedua-dua pihak yang bertikai. Saya rasa dengan cara ini merupakan satu cara yang sangat berkesan yang pada masa ini dapat mengurangkan pertikaian-pertikaian yang merebak menjadi pertikaian besar sehingga menjejaskan Perhubungan Perusahaan di negara kita atau menjejaskan suasana pelaburan di negara kita pada masa ini.

Cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu supaya ditentukan undang-undang bagi memastikan semua kes itu diselesaikan dalam 3 bulan, ini memang elok. Memanglah pada masa ini mengikut undang-undang terutama sekali berhubung dengan kes pembuangan kerja sekiranya seseorang pekerja itu diberhentikan kerja dan ianya merasa bahawa pemberhentian itu dilakukan secara tidak adil oleh majikan, memang di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 pihak pekerja yang terlibat itu boleh mengadu kepada Pejabat Perhubungan Perusahaan dalam masa 30 hari dan 30 hari itu perlu diberi kerana mungkin sebelum mengadu ke Pejabat Perhubungan Perusahaan pihak yang terlibat, kedua-dua pihak

barangkali hendak menyelesaikan apa-apa salah faham, mungkin tak payah sampai ke Pejabat Perhubungan Perusahaan sudah boleh diselesaikan. Tetapi jika tidak diselesaikan juga boleh dalam masa 30 hari, di dalam masa 30 hari itu ada kes-kes yang mana pihak Pejabat Perhubungan Perusahaan boleh menyelesaikan dalam masa satu minggu sahaja iaitu dengan cara sekali sahaja atau kadangkadang dengan cara telefon kepada pihak majikan dan telefon sahaja kepada pihak pekerja dan pihak majikan sudah sanggup mengambil balik pekerja yang dibuang itu dan mengakui kesilapannya. Banyak sudah kes-kes sudah diselesaikan dengan cara yang demikian itu. Tetapi tidaklah semua kes pembuangan kerja itu dapat diselesaikan dengan cara yang senang, Tuan Pengerusi. Ada di antaranya memerlukan pemeriksaan-pemeriksaan dan ada pula pihak majikan yang hendak cuba membuktikan bahawa pembuangan kerja itu dilakukan dengan cara betul kerana pekerjaanya telah melakukan satu-satu kesilapan.

Umpamanya, dituduh mencuri barang dan sebagainya dan bagaimanakah dalam masa beberapa hari hendak menyelesaikan kes-kes seumpama ini dan ianya terpaksa barangkali memakan masa, penyiasaan yang rapi dilakukan dan beberapa perundingan diadakan dan supaya ianya tidak berlaku keputusan yang tidak adil dan sudah tentu ada kes-kes yang boleh diselesaikan dalam masa 30 hari dan seterusnya dalam masa 3 bulan boleh diselesaikan di Mahkamah Perusahaan, tetapi tidak semua kes yang boleh diselesaikan dengan cara yang demikian. Dan apatah lagi sekiranya kes-kes pertikaian seumpama itu dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dan kedua pihak hendak memakai peguam dan sudah tentulah barangkali memerlukan masa untuk persiapan dan sebagainya.

Jadi saya rasa barangkali pada masa ini masih belum praktikal jika hendak diwajibkan bahawa semua kes-kes mesti diselesaikan mengikut undang-undang dalam masa 3 bulan. Apa hal kalau kes itu tidak dapat diselesaikan dengan sebab-sebab tertentu, kadang-kadang perbicaraan yang ditetapkan oleh Mahkamah Perusahaan pun terpaksa ditangguhkan beberapa kali sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum berlaku di mana-mana sahaja, perbicaraan telah ditetapkan harinya, tarikh dan tempatnya tetapi terpaksa juga ditangguhkan dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan yang tidak boleh disalahkan sesiapa pun.

Saya rasa eloklah Ahli Yang Berhormat menerima sistem yang ada pada masa ini, cuma gesaan supaya kes-kes itu diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh, kami boleh menerimanya kerana pihak Kerajaan juga, pihak Kementerian Buruh, terutama sekali memanglah bersimpati dengan pekerja-pekerja yang terlibat dan tidak suka melihat pekerja itu dibuang kerja begitu lama dan kes-kes mereka tergantung begitu lama sebelum diselesaikan. Kita berikhtiar seberapa segera yang boleh untuk menyelesaikannya, tetapi pada kebiasaannya untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini biasanya apabila kes-kes pembuangan kerja dirujuk ke Mahkamah perusahaan, walaupun kes-kes itu berlanjutan sampai 5-6 bulan umpamanya tetapi bila Hakim Mahkamah Perusahaan memutuskan bahawa pekerja itu mesti diambil balik semula bekerja kerana pembuangan yang dilakukan oleh majikan itu dengan cara tidak adil, maka biasanya gaji kebelakangan dibayar, diarah dibayar daripada mula ia diberhentikan kerjanya dan tidaklah pihak pekerja yang berkenaan menanggung kerugian yang begitu banyak.

Walau bagaimanapun, ia terpulanglah kepada keputusan

Hakim kerana Mahkamah Perusahaan mempunyai kuasa keadilan seperti juga mahkamah-mahkamah yang lain.

Tuan Pengerusi, jika Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu hendak menyedapkan tuduhannya dengan mengatakan kes-kes sampai dua-tiga tahun, saya rasa itu juga tidak tepat kerana sesungguhnya di depan saya ini pun ada angka-angka yang lengkap menunjukkan tiap-tiap tahun berapa kes dirujuk kepada Kementerian dan berapa kes dirujuk di mahkamah dan berapa kes telah diselesaikan di dalam perbicaraan, berapa kes diselesaikan di luar mahkamah dan berapa yang baki kes-kes tiap tahun. Jadi ini menunjukkan tidak betul tuduhan yang hendak mengatakan kes-kes sampai dua tiga tahun. Melainkan sekiranya adalah masalah-masalah tertentu barangkali bolehlah Yang Berhormat mengemukakan kes-kes seumpama itu kepada saya berasaskan kepada kes tertentu. Tetapi janganlah hendak menggambarkannya bahawa kelambatan ini berlaku secara umum maka kita mesti mengecam sistem yang kita amalkan pada masa ini. Cara yang demikian sudah tentulah tidak membantu kita hendak mencari satu cara yang boleh memberi kebaikan dan kebajikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Zakaria bin Datuk Haji Abdul Rahman:** Ya, boleh.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, sebenarnya bukanlah menjadi tujuan saya untuk mengecam sistem yang ada diamalkan sekarang tetapi dalam ucapan saya tadi, saya cumalah hendak menyampaikan satu

jawapan untuk memperbaiki sistem-sistem yang ada sekarang iaitu mengenai penetapan satu masa untuk menyelesaikan satu-satu kes yang hendak selesai. Di sini sukalah saya mendapat penjelasan itu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai satu hujah yang disampaikan oleh saya itu tadi iaitu mengenai jawatan yang dikosongkan misalnya apabila seseorang pekerja dibuang kerja dan apa yang sentiasa berlaku iaitu sungguhpun apabila Mahkamah Perusahaan membuat satu keputusan supaya pekerja ini diambil balik dan dibayar gaji kebelakangan ataupun arrears, dengan izin, tetapi jawatan itu diisikan oleh orang yang lain dan ini sentiasa mengakibatkan kesusahan kepada mengisi yang berkenaan. Suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana hendak mengatasi masalah seperti ini?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar dengan jelas mengakui dalam Dewan ini bahawa beliau tidak berhasrat mengecam sistem ini. Saya rasa inilah satu cara yang baik, seorang Ahli dari Parti Pembangkang dengan terang-terang menyatakan beliau tidak mengecam, hanya memberi pandangan-pandangan dan syor-syor. Dan saya sudah menyambutkan syor-syor yang baik itu memang boleh diterima.

Berhubung dengan perkara yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya jawatan kosong yang tidak dipenuhi, saya rasa tidak timbul dan tidak perlu kerana setelah kuasa mahkamah memutuskan bahawa pekerja yang diberhentikan kerja mesti diambil balik dan diletak pada tarafnya yang sama seperti waktu ianya diberhentikan, maka merupakan tanggungjawab pihak majikan itu menyediakan jawatan yang sama

kepada pekerja yang berkenaan. Sama ada jawatan itu telah dipenuhi oleh orang lain maka merupakan tanggungjawab bagi pihak majikan itu menyediakan jawatan yang sama. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada pengalaman, kebanyakannya, saya menyebut ini untuk kita membuat pertimbangan yang adil, kebanyakan daripada pekerja-pekerja yang menuntut di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan ini, apabila diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan bahawa ianya mesti diterima balik bekerja oleh majikan dan pihak pekerja yang berkenaan biasanya minta supaya dirundingkan supaya pihak majikan membayar pampasan sahaja sebagai ganti kepada jawatan itu bagi membolehkan pekerja yang berkenaan itu mencari pekerjaan di tempat lain. Biasanya begitu, kerana barangkali saya mengagak sahaja, pekerja yang berkenaan sudah tidak begitu sedap lagi bekerja di sana kerana sudah sampai ke mahkamah dan sebagainya, jadi barangkalilah pekerja yang berkenaan merasa kalau bekerja pun nanti satu hari ianya ditindas lagi dicari pula alasan lain dan diberhentikan pula. Oleh yang demikian kebanyakannya pekerja-pekerja itu dengan sendiri, dengan sukarela minta pampasan dan pampasan yang sesuai yang berpatutan dibayar kepada pekerja itu dan pekerja itu bebas mencari pekerjaan di tempat lain.

Walau bagaimanapun jika pekerja yang diberhentikan itu masih berkehendak kepada pekerjaannya yang asal melalui kuasa yang diputuskan oleh hakim di Mahkamah Perusahaan itu memang wajib dipatuhi oleh majikan yang berkenaan.

Jadi, saya hendak menyentuh satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berhubung dengan

keselamatan dan kesihatan di tempat pekerjaan. Ini memanglah menjadi pandangan berat, perhatian berat kita pada masa ini dan pihak Kerajaan melalui Kementerian saya memang memberi perhatian di atas perkara ini. Tetapi sukaiah saya menggolong secara ringkas bahawa undang-undang sahaja tidak dapat menghasilkan kesan yang baik melainkan dengan kesedaran pihak majikan dan kesedaran pekerja-pekerja sendiri bagaimana perlunya keselamatan di tempat pekerjaan dan kesihatan pekerja-pekerja terjamin. Jadi, langkah-langkah selain daripada melalui undang-undang, ianya juga melalui kempen-kempen, melalui jawatankuasa bersama, melalui tindakan-tindakan sukarela seumpama ini nampaknya dari pengalaman kita memberi kesan yang lebih baik.

Berhubung dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerja ini Tuan Pengerusi, saya pohon menjawab secara ringkas sahaja memanglah seseorang itu berhak membuat penilaiannya. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, sekiranya PERKESO didapati rugi, pungut wang tidak cukup untuk membayar pampasan kepada pekerja-pekerja yang menerima kemalangan, barulah sepatutnya ia dikecam sebagai sebuah agensi, sebuah jabatan ataupun sebagai sebuah badan bekanun sekiranya ia mengalami kerugian dari setahun ke setahun, tidak cukup wang untuk membayar gaji pekerja, tidak cukup untuk hendak membayar pampasan, patutlah ianya dikecam. Tetapi sebaliknya pada masa ini PERKESO, dari segi kewangannya memang dalam keadaan sihat. Wang yang dipungut melebihi daripada wang yang dibayar sama ada untuk pentadbiran atau untuk pampasan-pampasan kepada pekerja. Jadi, satu segi saya rasa ianya patut menerima pujian, bukan kecaman. Tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat itu berhasrat untuk menyuarkan supaya

pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja itu dinaikkan sedikit daripada apa yang dinikmati pada masa ini maka saranan-saranan seumpama itu memang patut dan pihak Kerajaan, pihak saya suka memberi jaminan, kita sentiasa menerima cadangan seumpama dari masa ke semasa.

Buktinya yang nyata semenjak beberapa tahun yang lalu saranan-saranan dibuat di sana sini supaya Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) ini diperbaiki dan kenyataan yang jelas atau bukti yang jelas berlaku dalam Dewan sebagaimana Yang Berhormat sendiri ketahui kita telah pun membawa pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja itu dan memang sudah banyak ditambahkan kemudahan-kemudahan jika dibanding lebih baik daripada pada masa yang belum dipinda. Dan sekiranya pandangan-pandangan Yang Berhormat ini dari masa ke semasa dipertimbangkan kembali tidak mustahil satu masa yang akan datang kita akan memindanya pula dan kemudahan-kemudahan yang lain baik akan diadakan. Tetapi pertimbangan akan dibuatlah dari masa ke semasa.

Saya merasa perkara-perkara lain ada yang baik sama ada yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani atau Kuala Lumpur Bandar memang patut dijadikan panduan dan ianya dicatat dan saya memberi jaminan akan memberi perhatian yang serius di atas pandangan-pandangan itu. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$51,527,500 untuk Maksud B. 47 di bawah Kementerian

Buruh jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$51,527,500 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$31,509,430 yang disebutkan dalam Maksud P. 47 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wan sebanyak \$31,509,430 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 (Jadual)—*

*Maksud P. 48, P. 49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 48, B. 49 dan B. 50 dan Kepala Pembangunan P. 48, P. 49 dan P. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

#### 4.42 ptg.

**Dr Koh Isu Koon (Tanjong):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 2 di bawah Maksud Bekalan B. 48 mengenai Program/Kawalan Alam Sekitar. Seperti yang kita sedia maklum negara kita telah dan sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat pesat dan ini memanglah suatu yang diinginkan, diperlukan dan dialu-alukan. Namun demikian, ia juga mengakibatkan beberapa masalah di antaranya masalah pencemaran alam sekitar. Misalnya, beratus-ratus bahkan beribu-ribu buah kilang yang telah ditubuhkan sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar atau di kawasan ladang-ladang

telah mengeluarkan bahan-bahan buangan, asap, abu yang mencemarkan air dan udara negara kita. Hutan telah dibuka untuk balak dan pembangunan dan dengan ini telah mengakibatkan penghakisan (erosion) tanah. Dan oleh kerana bilangan kenderaan seperti kereta, lori, bas dan sebagainya telah meningkat dengan begitu pesat dengan bertambahnya bilangan penduduk dan keperluan-keperluan pengangkutan, maka ini pun telah mengakibatkan pencemaran udara yang tertentu di jalanraya.

Tuan Pengerusi, pencemaran telah dianggap oleh ramai sebagai satu hakikat dan "by product" daripada proses pembangunan yang kononnya tidak dapat kita elakkan, iaitu: pencemaran merupakan satu beban yang harus kita tanggungkan, "a price we have to pay for development". Mungkin tidak dapatlah dinafikan bahawa sebarang pembangunan akan meninggalkan kesan-kesan yang tertentu ke atas alam sekitar. Akan tetapi pada pendapat saya kesan-kesan yang buruk ini dapat dikurangkan sekiranya diadakan, yang pertama, perancangan (planning) yang sesuai dan menyeluruh terlebih dahulu sebelum pembangunan dilaksanakan. Kedua, digubalkan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk pengawalan dan juga dijalankan penguatkuasaan yang rapi dan ketat mengikut peraturan-peraturan itu. Dan ketiga, dijalankan kempen pendidikan alam sekitar di kalangan rakyat umum supaya menanam kesedaran terhadap alam sekitar. Memanglah kerja-kerja seperti yang tersebut di atas telah dijalankan oleh Kementerian dan juga pihak-pihak berkuasa yang tertentu yang lain misalnya kempen-kempen kebersihan yang telah dilancarkan di merata-rata tempat.

Namun demikian, pada pendapat saya usaha-usaha yang telah diberi masih tidak mencukupi, maka

haruslah diadakan usaha-usaha yang lebih. Misalnya, dalam tiap-tiap projek pembangunan yang besar sama ada projek perindustrian, pertanian ataupun perumahan bahagian Alam Sekitar dari Kementerian ini haruslah dilibatkan dengan adanya sekurang-kurangnya seorang pegawai daripada bahagian ini bertugas sebagai ahli dalam Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Projek itu untuk memastikan bahawa aspek-aspek alam sekitar diambil kira dan dititikberatkan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah mengenai tugas dan peranan pegawai kawalan alam sekitar. Saya mengemukakan tambahan bilangan pegawai tersebut seperti yang ditunjukkan dalam senarai perjawatan untuk Kementerian ini, khasnya muka surat 1109 di mana dua pasukan baru seramai 12 orang telah ditubuhkan untuk kawasan Perak dan Timur Laut. Tetapi yang lebih penting lagi pada pendapat saya, bukanlah penambahan bilangan pegawai sahaja tetapi pegawai-pegawai ini haruslah digalakkan supaya mengambil inisiatif untuk mengenal pasti (identity) dan mengawal punca-punca pencemaran sebelum ianya merebak dan menjadi masalah, dan juga menyedarkan pihak kilang-kilang dan orang ramai terhadap peranan mereka dalam kawalan alam sekitar. Saya berharap bahawa pegawai-pegawai akan mengambil tindakan awal secara "pro-active" dan "preventive", bukan secara "reactive" ataupun bertindak hanya selepas menerima aduan sahaja. Maka bersangkut paut dengan ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian kepada satu punca pencemaran yang serius tetapi nampaknya tidak begitu diberi perhatian yang sewajarnya iaitu masalah pembuangan sampah di beberapa tempat.

Sebenarnya masa ini terdapatlah dua aspek utama, satu ialah mengenai sikap dan kelakuan orang ramai dan

ini telah menjadi sasaran (target) bagi kempen-kempen kebersihan. Tetapi yang lebih membimbangkan dan lebih penting lagi, pada pendapat saya, ialah sikap dan kelakuan pihak-pihak berkuasa sendiri, khasnya Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Tempatan yang bertanggungjawab untuk membuang sampah. Amalan-amalan yang biasa dipraktikkan ialah untuk membakarkan sampah atau membuangkannya ke dalam sungai atau laut atau ditempatkan di tapak-tapak yang tertentu.

Pada pendapat saya, amalan-amalan ini sudah menjadi punca-punca pencemaran. Sebagai satu contoh, pada kebetulannya, Tuan Pengerusi, saya pada dua hari dahulu telah melawat kawasan Kulai di negeri Johor kerana adanya di tempat itu satu seminar politik bagi parti saya. Saya dapati kawasan itu ada satu tapak pembuangan sampah (dump) yang agak luas dan besar yang berdekatan dengan rumah-rumah kediaman di sebuah kampung baru. Maka ini merupakan satu keadaan yang kurang memuaskan kerana bukan sahaja bau dari tapak itu amat busuk tetapi kerana kadangkala dump itu dibakar maka menjadikan asap yang mungkin mengancam keselamatan para penduduk. Saya berharap bahawa Kementerian akan mengambil tindakan bukanlah sahaja kepada kes di Kulai di negeri Johor ini tetapi secara umumnya menyelia Majlis-majlis Daerah dengan lebih teliti dan rapi. Kalau didapati mana-mana Majlis Daerah dan Tempatan yang tidak mematuhi syarat-syarat mengenai kebersihan alam sekitar maka Majlis-majlis ini haruslah dikenakan denda (penalty) sepertimana yang dibuat ke atas orang awam dan juga kilang-kilang perindustrian di sektor swasta.

Tuan Pengerusi, di bawah tajuk yang sama juga saya ingin beralih kepada masalah pembuangan sisa

radioaktif di kawasan Papan, Negeri Perak. Sungguhpun saya bukan dari kawasan itu tetapi terdapat beberapa orang kawan dan juga rakan-rakan parti yang tinggal di sana. Selain daripada itu, sebagai seorang bekas ahli sains Fizik, saya memang mengambil berat terhadap masalah-masalah yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif. Saya juga percaya bahawa perkara dan masalah seumpama ini harus dikaji dan boleh dibincangkan secara analitik dan objektif dari sudut sains dan teknologi dan dari sudut kebajikan dan kesihatan para penduduk.

Tuan Pengerusi, setahu saya setakat ini, pihak Kerajaan Pusat melalui PUSPATI dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menjemput dua kumpulan pakar dari British National Radiological Protection Board yang ada hubungan rapat dengan ICRP atau International Commission for Radioactive Protection dan juga dari IAEA (International Atomic Energy Agency). Di samping itu Kerajaan Negeri Perak sendiri pun telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal untuk menyediakan satu laporan. Tambahan pula Jawatankuasa Bertindak Papan atau (Papan Action Committee), iaitu sebuah pertubuhan yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan dan juga ahli-ahli sains tempatan telah pun menjemput dua orang pakar yang lain dari Britain dan Amerika Syarikat.

Maka nampaknya akan diserahkan kepada pihak-pihak yang berkuasa sekurang-kurangnya lima laporan mengenai kes Papan ini. Saya berharap bahawa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Perak akan mengambil berat dan memberi pertimbangan yang saksama kepada semua laporan ini berdasarkan bernas atau tidak, iaitu, dengan izin, "according to their merits," tanpa

mengira sama ada laporan itu adalah dari pakar yang diundang atau dijemput oleh pihak Kerajaan atau oleh pihak orang awam melalui kumpulan-kumpulan bertindak yang tertentu.

Saya juga ingin menggesa Kerajaan supaya jangan terburu-buru untuk membuat sesuatu keputusan yang nanti mungkin akan didapati kurang sesuai dan dikesali. Sebenarnya sekiranya dari mana-mana laporan tersebut terdapat apa-apa juga unsur-unsur tidak pasti dan keraguan yang kecil pun iaitu, dengan izin, "any slightest doubt" mengenai keselamatan tempat buangan sisa radioaktif tersebut, walaupun dengan adanya apa-apa syor ataupun cadangan untuk menjalankan kerja-kerja memperbaiki dump itu, maka Kerajaan haruslah menanggukkan segala keputusan untuk memberi kebenaran kepada syarikat yang berkenaan untuk menggunakan dumps tersebut. Adalah lebih baik sekiranya Kerajaan boleh mencari satu tempat yang lain untuk menyimpan sisa radioaktif ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk membangkitkan satu pemerhatian (observation) untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Saya difahamkan bahawa satu tujuan utama ataupun tujuan tunggal untuk membina dumps tersebut dan menyimpan sisa radioaktif dari logam thorium itu ialah kerana dijangka bahawa bahan ini pada satu hari nanti mungkin dapat digunakan sebagai satu sumber tenaga (energy fuel) dalam "nuclear power stations," yang mungkin akan dibina dalam negara kita. Namun demikian, mengikut maklumat yang telah saya dapati, jangkaan ini mungkin tidak realistik sama sekali buat masa depan yang dapat kita nampak.

Ini adalah kerana thorium sebenarnya tidak boleh digunakan secara langsung sebagai energy fuel tetapi ianya harus ditukar menjadi uranium. Uranium ini akan digunakan nanti. Proses penukaran, mengikut pengetahuan saya, akan mengambil masa 20-60 tahun bagi satu reactor untuk mendapatkan bahan yang mencukupi untuk menjadikannya sebagai fuel bagi satu reactor yang lain. Maka nyatalah bahawa teknologi yang sedia ada sekarang ini dan juga teknologi yang mungkin akan timbul dalam masa depan yang boleh dinampak tidak mengizinkan satu proses yang ekonomikal untuk menggunakan thorium. Oleh kerana masalah teknologi ini, saya difahamkan bahawa reactor percubaan yang menggunakan thorium di negara-negara seperti Kanada, Britain dan Norway telah ditutup sama sekali. Reactor yang tunggal yang berada di Amerika Syarikat pun sedang menghadapi banyak masalah teknikal.

Tuan Pengerusi, sememangnya ahli-ahli sains mungkin akan mereka (invent) satu teknologi yang baru pada satu hari nanti dan mungkin dalam tempoh 20 tahun dari sekarang akan didapati satu teknologi yang dapat menggunakan thorium dengan secara economical. Tetapi dalam tempoh masa itu kemungkinan adalah besar juga bahawa teknologi-teknologi dan juga fuel yang lain yang lebih murah, economical dan juga selamat akan dijumpai. Maka pada pendapat saya kemungkinan besarlah bahawa penyimpanan sisa radioaktif thorium di Papan ini akan menjadi sia-sia sahaja dan ianya akan menjadi satu projek yang membazirkan wang dan juga membazirkan ruang tanah yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain. Sekiranya perusahaan untuk memproses logam itu akan diteruskan, maka susunan bukanlah untuk penyimpanan secara sementara (temporary storage) tetapi pembuangan secara tetap (permanent

disposal). Ini adalah satu kemungkinan yang pada pendapat saya harus dikaji oleh pihak Kerajaan.

Akhir sekali, saya ingin merujuk kepada satu rayuan yang telah saya kemukakan dahulu melalui soalan tambahan dalam Dewan yang mulia ini iaitu mengenai perkembangan perindustrian nuklear dan juga perindustrian yang mengeluarkan ataupun menggunakan bahan-bahan radioaktif.

Seperti yang telah dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Kerajaan sedang menggubal garis-garis panduan yang tertentu untuk perancangan kilang-kilang sedemikian. Tetapi pada pendapat saya, lebih sesuai dan lebih tepat lagi sekiranya boleh diperuntukkan satu atau dua tapak yang khas untuk perindustrian seumpama ini, supaya sisa-sisa dan juga bahan-bahan serta keluaran-keluaran radioaktif daripada kilang-kilang ini dapat dikawal dengan teliti dan rapi. Proses untuk mendapatkan satu tapak seumpama ini memerlukan perancangan dan juga kerjasama bukan sahaja di antara Kementerian-kementerian Pusat seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, pihak PUSPATI, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Kesihatan, tetapi juga melibatkan Kerajaan Negeri, kerana Kerajaan Negerilah yang bertanggungjawab atas peruntukan tanah.

Saya berharap bahawa cadangan saya ini, iaitu untuk jangka masa panjang supaya diadakan satu tapak perindustrian yang khas, yang jauh daripada tempat-tempat kediaman harus diberi pertimbangan yang serius oleh pihak Kerajaan, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk memperkembangkan perindustrian seumpama ini demi perkembangan ekonomi negara pada amnya. Dengan begitu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diberi

kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sungai Besi.

5.02 ptg.

**Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 48, muka surat 231, Butiran 2—Alam Sekitar, Kod 1000 dan Maksud P. 48, muka surat 232, Butiran Projek 5 tajuk Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, program alam sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah bertujuan mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar, memperbaiki kualiti alam sekitar dan menentukan agar pencemaran alam sekeliling tidak merosakkan tumbuhan dan hidupan secara berleluasa. Dan bagi maksud ini sebanyak \$11.1 juta diperuntukkan bagi projek am serta kawalan alam sekitar untuk tahun 1985.

Satu perkara yang kini dapat diperkatakan dan dipandang berat oleh ahli-ahli alam sekitar dan rakyat khususnya penduduk-penduduk di Papan ialah pembinaan tempat pembuangan sisa-sisa radioaktif di Papan. Mungkin Yang Berhormat Menteri akan mengatakan bahawa pembinaan tempat buangan sisa-sisa radioaktif terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak boleh lari daripada akibat bahawa ia adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tempat buangan sisa-sisa radioaktif di Papan itu tidak merosakkan tumbuhan dan hidupan serta tidak memburukkan kualiti alam sekitar Papan dan penduduk-penduduknya.

Pada awal tahun ini peristiwa Papan telah tercetus akibat keputusan Kerajaan untuk membenarkan sebuah syarikat bernama "Asia Real Earth

Sdn. Bhd." membina peparit-peparit di atas tanah rizab Kerajaan seluas 4 hektar bagi menyimpan buangan radioaktif dari kilang tersebut. Soal yang ditimbulkan oleh penduduk-penduduk Papan dan kawasan sekeliling ialah mengapa Papan dipilih untuk menyimpan sisa-sisa radioaktif, pada hal rakyat umum mengetahui bahawa Papan bukanlah tempat pertama yang dipilih sebagai tempat untuk menyimpan buangan radioaktif. Parit sebenarnya telah dipilih sebagai tempat menyimpan sisa-sisa radioaktif, tetapi akibat bantahan daripada UMNO dan juga daripada Ahli Dewan Negeri kawasan Belanja termasuk Ahli Parlimen dari Parit.

Untuk makluman Dewan ini pemegang-pemegang saham, tersebut ialah Syarikat Piamany Rose Sdn. Bhd. 2,142,000 saham, Mitsubishi Chemical Industry 2,142,000 saham, Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1,530,530 saham dan Malaysia Real Earth Corporation Sdn. Bhd. 1,530,000 saham. Akibat bantahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Anti Buangan Sisa-sisa Radioaktif Papan yang mewakili penduduk-penduduk yang terlibat, Persatuan-persatuan Penggunaan dan Alam Sekitar dan Parti DAP, maka Kerajaan telah menjemput pakar-pakar nuklear dari Agensi Tenaga Atom Bangsa-bangsa Bersatu untuk memeriksa tempat buangan sisa di Papan dan laporan pakar-pakar tersebut telah pun dihantar ke Jabatan Perdana Menteri untuk disunting.

Saya hairan mengapa laporan tersebut perlu disunting, tidak ada sebab-sebab mengapa laporan seumpama itu yang menyentuh kehidupan semasa dengan rakyat kita harus disunting, sebaliknya saya minta supaya laporan tersebut diumumkan kepada orang ramai sepenuhnya, kerana kita tidak mahu laporan tersebut dianiaya seperti Laporan Sementara Ahmad Noordin ke dalam

Skandal BMF di mana walaupun Kerajaan telah berjanji bahawa laporan sementara itu akan diumumkan dengan sepenuhnya, Kerajaan telah mungkir janjinya dengan hanya mengumumkan Lampiran "A" dan "B" sahaja dan menyembunyikan Lampiran "C".

Tuan Pengerusi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar harus bersikap serius terhadap isu Papan ini, kerana sisa-sisa radioaktif yang mempunyai separuh nyawa (half life) dengan izin, selama 10 billion tahun akan disimpan di Papan. Ini bererti masa selama 10 billion tahun akan diambil oleh radioaktif dalamnya dikurangkan kepada separuh daripada paras asal. Sisa-sisa radioaktif ini boleh menyebabkan dua jenis radiasi iaitu radiasi luar dan dalam. Radiasi dalam adalah amat bahaya kerana sekiranya bahan radioaktif bocor dan mencemarkan air bawah tanah, maka ia akan terus mencemarkan sungai-sungai dan ini boleh berlaku waktu musim hujan. Apabila hujan lebat di muka tanah, air akan naik dan sekiranya terdapat sebarang kebocoran dalam peparit berkenaan ia akan terus dibawa ke sungai melalui sistem air tanah, dan apabila air dari sungai itu digunakan oleh rakyat, radiasi akan berlaku dan radiasi beberapa tahun kemudian mengakibatkan sakit kanser, dan inilah yang paling ditakuti oleh penduduk-penduduk Papan dan Kinta.

Seorang saintis nuklear Dr Sulaiman Samani dari PUSPATI telah pada 1hb Oktober, memberitahu bahawa tempat buangan sisa-sisa radioaktif di Papan telah tidak dibina mengikut spesifikasi-spesifikasi Kerajaan. Pada 21hb Oktober pula Dr Edward Clifford yang melawat tempat buangan sisa-sisa radioaktif itu juga telah mengatakan bahawa pembinaan tempat buangan itu tidaklah mengikut spesifikasi-spesifikasi. Terlebih dalam

pada itu, seorang pakar British, Dr William Kendall juga berkata bahawa pembinaan perparit-perparit adalah amat buruk. Pada 7hb November ini seorang pakar Jepun, Dr Jinju telah berkata tempat buangan sisa-sisa radioaktif di Papan adalah tidak sesuai. Dr Jinju seterusnya berkata bahawa belum dapat cara-cara yang 100% selamat untuk menyimpan sisa-sisa radioaktif.

Memandangkan kepada ini, saya menyeru agar Kerajaan menghentikan sisa-sisa radioaktif dari disimpan di Papan demi kepentingan rakyat kita dan juga kepentingan generasi-generasi akan datang. Nyawa dan kehidupan serta alam sekitar kita tidaklah boleh dibocorkan semata-mata untuk memuaskan keinginan orang-orang tertentu. Kerajaan hendaklah menyahut seruan penduduk-penduduk kita, khasnya penduduk-penduduk Papan dan hentikan pembinaan tempat buangan sisa radioaktif di Papan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

5.12 ptg.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh dua perkara sahaja di dalam ucapan saya ini, iaitu perkara yang pertama Maksud B. 50, Butiran 2 Khidmat-khidmat Ramalan Cuaca, pada muka surat 237. Saya mengakui bahawa saya bukanlah seorang yang mahir sangat berkenaan dengan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian ini, tetapi saya suka hendak menyebutkan dua perkara ini kerana ianya menyentuh soal kehidupan rakyat di negara ini.

Tuan Pengerusi, pada masa ini kita tahu bahawa musim tengkujuh telah pun tiba dan selaku Wakil Rakyat daripada kawasan yang memang terdedah dan sentiasa menerima

akibat daripada keadaan cuaca yang tidak baik yang mengalami banjir dan hujan lebat serta angin ribut, saya suka hendak mengatakan bahawa daripada kaca mata saya dan mungkin juga rakyat seluruh negara ini, soal ramalan kaji cuaca adalah satu perkara yang penting. Soal kaji cuaca ini penting bukan sahaja di atas akibat-akibat yang buruk terhadap kehidupan rakyat, tetapi juga sebenarnya, Tuan Pengerusi, pada pandangan saya kerana ia memberikan kesan-kesan yang lain dan faedah-faedah yang lain kepada ekonomi rakyat, kepada rakyat seluruhnya, kepada golongan-golongan rakyat, kepada tempat-tempat yang tertentu dan kepada kegiatan-kegiatan rakyat.

Satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah persoalan tentang apakah kemungkinan banjir pada tahun ini. Pada masa ini saya masih lagi belum mendapat satu jawapan sama ada banjir tahun ini akan menjadi lebih buruk berbanding dengan banjir tahun lepas ataupun mungkin keadaan banjir tahun ini sama dengan keadaan tahun lepas ataupun banjir pada tahun ini kurang buruk daripada tahun yang lepas. Persoalan-persoalan ini memang memerlukan jawapan dan saya merasakan penting kerana rakyat yang akan terlibat, yang telah pun terlibat, sentiasa terlibat dengan banjir ini perlu dibekalkan dan diberikan jawapan terhadap perkara ini supaya dapatlah mereka itu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Saya telah pun mengemukakan satu soalan secara bertulis di Dewan ini, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan apakah ramalan terhadap kemungkinan banjir pada tahun ini kepada pihak Kementerian tapi di dalam jawapan yang telah diberikan kepada saya, pihak Kementerian telah menjawab bahawa adalah satu perkara yang sukar untuk meramalkan banjir

oleh kerana banjir tidak dapat diramalkan sehinggalah beberapa hari sebelum banjir itu berlaku. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya tidaklah berhasrat hendak berhujah, tetapi kepada saya tentulah kalau sekiranya sukar hendak diramalkan kemungkinan banjir, tidakkah mungkin kita boleh menggunakan maklumat-maklumat yang boleh didapati daripada ramalan keadaan hujan untuk meramalkan pula banjir oleh kerana saya mendapat tahu bahawa ramalan tentang hujan ini tidaklah sukar dan memang boleh dibuat beberapa lama sebelum musim hujan itu tiba dan saya sendiri ada membaca kenyataan yang dibuat oleh pihak Jabatan yang berkenaan berhubung dengan ramalan hujan pada tahun ini di mana dijangkakan hujan dan ribut kencang akan berlaku di dalam bulan Disember. Dengan menggunakan angka-angka ramalan dan juga fakta-fakta ramalan tentang hujan ini, saya fikir boleh juga kita memberikan sedikit sebanyak gambaran sebagai asas dan panduan untuk rakyat kita menduga tentang keadaan dan kemungkinan banjir pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini juga saya suka hendak menyebutkan bahawa setelah saya memeriksa Belanjawan ini saya mendapati Stesen-stesen Kajicuaca tidak mendapat peruntukan yang sewajarnya, iaitu peruntukan sebanyak \$10 sahaja, iaitu peruntukan "token" dan juga peruntukan bagi Radar Amaran Ribut sebanyak \$10 juga, iaitu peruntukan "token" juga. Saya fikir perbelanjaan di dalam kegiatan-kegiatan yang macam ini adalah penting dan memang memerlukan sokongan Belanjawan daripada Kerajaan. Saya tidak beranggapan bahawa perbelanjaan di dalam butiran-butiran ini adalah merupakan perbelanjaan yang rendah prioritynya, sebagaimana saya

katakan soal cuaca dan kesannya merupakan soal yang penting kepada rakyat dan kehidupan rakyat di negara ini.

Saya juga mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya dalam perkara ini tidakkah mungkin dibanyakkan lagi stesen-stesen kajicuaca di peringkat regional, iaitu peringkat kawasan-kawasan, terutamanya bagi kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan juga di Malaysia Timur, di Sabah dan di Sarawak kerana berdasarkan kepada faktor dan pertimbangan cuaca, kedua-dua bahagian negara kita ini adalah merupakan bahagian-bahagian negara yang sangat "volatile", dengan izin, daripada segi cuacanya, dari segi monsoonnya dan sebagainya, dan dari segi kehidupan rakyat itu sendiri di mana terdapat nelayan-nelayan, petani-petani. Mereka memerlukan kepada perkhidmatan Jabatan yang berkenaan yang lebih cekap, lebih efisien, lebih tepat dan lebih berkesan serta lebih berguna lagi.

Di samping itu, kembali kepada soal banjir tadi, saya mendapati bahawa pada masa yang lepas dan sampai sekarang amaran banjir sungguhpun dibuat melalui televisyen secara yang regular, tetapi saya suka hendak mendapat tahu adakah daripada segi ramalannya itu, perkara ini dibuat berdasarkan kepada ramalan harian ataupun dibuat berdasarkan kepada ramalan 6 jam sekali ataupun 4 jam sekali ataupun 12 jam sekali. Dalam erti kata yang lain, saya mencadangkan supaya kajian-kajian ramalan ini boleh dibuat pada jangka masa waktu yang tidaklah begitu lama, tetapi mungkin bagi satu tempoh masa yang lebih singkat, katakan 4 jam sekali ataupun begitu, oleh kerana kalau kita tengok daripada segi tempat-tempatnya memang kadang-kadang hujan datang secara mengejut, paginya belum ada tanda hujan, tetapi tengah harinya hujan telah datang.

Begitu juga ribut, sejam yang lepas belum datang ribut, tetapi sejam kemudian ribut yang kencang datang membawa berbagai kesan dan akibat.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang suka saya hendak sebutkan ialah berkenaan dengan B. 48, Butiran 3 pada muka surat 21 iaitu berhubung dengan Perlindungan Hidupan Liar.

Perkara yang saya hendak sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah bahawa pada kaca mata saya hidupan liar, haiwan dan sebagainya itu adalah merupakan sebahagian daripada alam negara kita ini yang penting yang juga merupakan sebahagian daripada kehidupan kita sendiri dan mungkin juga ia merupakan satu heritage, dengan izin, negara kita Malaysia dan nilai serta faedahnya pada pandangan saya memanglah tidak terhingga. Saya percaya perkara ini lebih dimaklumi dan lebih difahami oleh pihak Kementerian yang berkenaan lebih-lebih lagi setengah-setengah kehidupan liar kita sebenarnya tidak terdapat di setengah-setengah negara yang lain dan mungkin merupakan spesi-spesi yang "rare", dengan izin, yang sukar didapati di negara yang lain. Oleh kerana itu ertinya kepada negara kita adalah sangat penting. Oleh kerana itu saya fikir perlulah kita mengambil berat di dalam usaha-usaha kita menjaga keselamatan, menyelia, melindungi dan memulihkan setengah-setengah daripada kehidupan-kehidupan liar ini.

Memanglah menjadi hakikat pengetahuan ramai dan menjadi sungutan kita bahawa pada masa ini kehidupan liar kita banyak yang terancam oleh kegiatan-kegiatan pembangunan, diancam oleh manusia, diancam oleh nature atau alam sekeliling itu sendiri. Saya mempunyai keyakinan yang penuh dan kuat keyakinan saya bahawa sekiranya kita

meningkatkan lagi usaha-usaha kita memberikan keutamaan terhadap usaha-usaha ini dan memastikan langkah-langkah yang lebih berkesan, kita akan membuat sesuatu perkara yang lebih mendatangkan faedah untuk menyelamatkan dan menjaga kepentingan kehidupan liar ini.

Perkara yang pokok yang saya hendak sebutkan ialah saya mendapati bahawa di negara kita ini, Tuan Pengerusi, kita membenarkan pengeksporan setengah-setengah daripada kehidupan liar kita ke negara-negara luar iaitu negara kita dijadikan satu pusat punca sumber untuk mendapatkan setengah-setengah kehidupan liar untuk digunakan di negara-negara asing untuk tujuan-tujuan saintifik, research dan tujuan-tujuan eksperimen dan sebagainya. Saya berpendapat ini tidak baik bagi negara kita. Perkara ini jelas. Kalaulah banyak negara-negara telah mengalami kekurangan dan kehilangan setengah-setengah daripada kehidupan haiwan, serangga, reptelia dan sebagainya, mengapakah kita membenarkan negara kita juga masuk ke dalam perangkap dan kemungkinan-kemungkinan buruk yang sedemikian ini. Kita sepatutnya mengambil pelajaran dan pengajaran daripada keadaan yang berlaku di negara-negara yang lain.

Malaysia adalah merupakan satu sumber bagi eksport monyet dan telah banyak monyet-monyet kita yang telah dieksportkan ke luar negeri. Saya meminta supaya perkara ini disekat.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menarik perhatian Dewan ini terhadap satu peristiwa baru-baru ini berhubung dengan eksport monyet iaitu bagaimana sebuah syarikat yang bernama Syarikat Research Primate Sdn. Bhd. yang didapati menjalankan kegiatan yang seperti ini dan setelah perkara ini didedahkan kepada umum

pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab telah pun campur tangan tetapi timbul pula berita-berita bahawa syarikat yang tersebut itu telah tidak dengan sukarelnya bekerjasama dengan Kerajaan untuk melepaskan balik dan menyelamatkan monyet-monyet yang telah ditangkap dan dikurung sebelum dieksportkan. Saya tidak tahu sebenarnya sama ada perkara ini telah diselesaikan ataupun tidak tetapi saya meminta sangatlah supaya pihak Kementerian dan Jabatan yang berkenaan itu supaya menyelesaikan perkara ini dan saya minta supaya janganlah lagi pihak-pihak yang berkuasa yang membenarkan lesen-lesen untuk diberikan kepada sebarang syarikat-syarikat yang akan terlibat dengan kegiatan-kegiatan menjual terutamanya mengeksport kehidupan-kehidupan haiwan-haiwan kita untuk tujuan-tujuan negara-negara yang lain.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, penyu kita juga telah menjadi satu jenis makhluk yang semakin pupus kerana terlalu diancam oleh kegiatan-kegiatan trawling pukut tunda, pukut harimau terutamanya di laut dalam dan laut-laut yang dekat dengan pulau-pulau. Saya fikir usaha-usaha perlu dibuat untuk kita mencari jalan supaya penyu ini dapat dijaga dengan baik dan segala kegiatan-kegiatan yang memusnahkan penyu ini disekat dengan berkesannya.

Untuk menjaga kepentingan kehidupan liar kita, saya berharap dapatlah pihak-pihak yang berkuasa mengharamkan langsung setengah-setengah kegiatan dan juga yang keduanya mengenakan denda yang lebih tinggi terhadap setengah-setengah kegiatan itu dan meningkatkan usaha-usaha penyelamatan dan pemulihan serta kawalan. Dengan yang demikian itu, Tuan Pengerusi, saya berharap dan saya percaya serta menaruh penuh

keyakinan bahawa kita akan dapat mempertahankan khazanah negara kita yang penting ini. Sekian, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Ipoh. Yang Berhormat hendak bercakap berkenaan dengan "papan" ini jugakah?

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tidak, lain perkara.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

5.27 ptg.

**Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada jumlah wang \$77,306,090 yang diperuntukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di mana perkara Maksud 48, 49 dan 50 bagi kedua-dua tujuan Bekalan dan Pembangunan sepertimana yang tercatat dalam muka surat 229.

Saya merasa sungguh sedih sekali dengan struktur peruntukan sedemikian di mana jumlah peruntukan ini merupakan jumlah yang kelima rendah sekali di antara kesemua badan Kementerian. Sungguhpun boleh dikatakan bahawa menduduki tempat yang kelima di antara ke semua 24 buah badan Kementerian, bukan sangat teruk tetapi apa yang menyedihkan di sini ialah peruntukan itu cuma berjumlah sebanyak hanya 0.265%, yakni lebih kurang suku peratus daripada jumlah besar Belanjawan \$29,191,096,194.

Tuan Pengerusi, sebab kenapa saya menimbulkan isu ini adalah berhubung kait dengan dasar Kerajaan untuk mempercepatkan lagi proses perindustrian di negara ini. Atas sebab inilah kenapa program-program penyelidikan dan pembangunan khususnya program-program yang dikelolakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan

Alam Sekitar perlu memainkan satu peranan yang penting. Tidak boleh dinafikan bahawa demi perkembangan sebagai sebuah negara perindustrian pihak Kerajaan perlu mengambil berat terhadap perkembangan industri sumber-sumber alam di negara ini. Negara ini sungguh bertuah sekali kerana kita bukan bergantung kepada salah satu-satunya hasil pengeluaran utama sahaja. Sebaliknya, kita mempunyai pelbagai jenis bahan-bahan mentah seperti koko, minyak kelapa sawit, getah, bijih timah, petroleum dan kayu balak.

Pengeksportan hasil-hasil pengeluaran ini di dalam bentuk yang belum diproses adalah sangat merugikan sebab setengah-setengah daripada mereka adalah sumber-sumber semula jadi yang semakin kehabisan hasilnya. Apa yang perlu dilakukan di sini ialah memberi galakan kepada industri-industri tempatan untuk memproses bahan-bahan mentah di negara kita sendiri.

Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa di negara-negara maju, jabatan-jabatan penyelidikan dan pembangunan khususnya dari sektor swasta memainkan satu peranan yang aktif dalam memproses hasil-hasil pengeluaran siap. Ini adalah kerana di sana jabatan-jabatan sedemikian mempunyai sumber kewangan yang tinggi di samping menerima bantuan daripada pihak Kerajaan.

Di negara kita sedikit sekali malah boleh dikatakan tidak ada sama sekali terdapat sumbangan penyelidikan dan pembangunan dari sektor swasta. Semua program penyelidikan dan pembangunan yang ada cuma dikelolakan oleh pihak Kerajaan sahaja. Ini adalah satu "reality" dan kita mesti menerima kenyataan ini.

Dalam muka surat 231 di bawah Perkara B. 48 Kod 4000, pihak Kerajaan cuma memberi bantuan sebanyak \$14,210,300 bagi Pemberian

dan Kenaan Bayaran Tetap di samping itu di bawah P. 48 cuma \$500,000 diperuntukkan apa lagi jumlah ini telah pun dikhaskan untuk kegunaan Zoo Negara dan bukan untuk program-program penyelidikan dan pembangunan. Nampaknya jumlah pemberian yang sebenar-benar untuk tujuan-tujuan penyelidikan dan pembangunan masih tidak dijelaskan dengan rapi dalam peruntukan-peruntukan tersebut. Mungkin Menteri yang berkenaan boleh menjelaskan kekaburan ini.

Tuan Pengerusi, kini adalah penting supaya pihak Kerajaan memulakan satu kempen bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Pada masa yang sama sektor-sektor swasta mesti diyakinkan akan hasil-hasil pencapaian dari kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan yang mana ia dengan selanjutnya boleh menguntungkan mereka dalam memproses hasil pengeluaran siap mereka. Cuma dengan bertindak sedemikian baharulah kita boleh katakan bahawa negara kita telah memasuki era perindustrian. Kita mesti terus berusaha untuk mempertingkatkan "quality" atau mutu hasil-hasil pengeluaran kita. Sekiranya kita ingin bersaing atau menyelaraskan taraf hasil kita dengan negara-negara lain di dunia ini. Saya mesti katakan bahawa setakat ini bantuan penyelidikan dan pembangunan Kerajaan masih belum memadai untuk mencerminkan usaha kita untuk menjadi negara kita sebagai sebuah negara industri.

Tuan Pengerusi, saya berharap supaya pihak Kerajaan memandang berat terhadap masalah ini sebab adalah mustahil sekiranya dikatakan bahawa di dalam sebuah negara yang mempunyai Belanjawan berjumlah \$29 billion, ia cuma sekadar peruntukan kurang dari \$14 juta untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.35 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 48, Butiran 2—Alam Sekitar serta Maksud P. 48, Butiran 5—Kawalan Alam Sekitar dan bersama-sama dengan saudara Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya ingin membangkitkan persoalan pencemaran hasir sekitar dalam negara kita dan kekurangan perhatian Kerajaan terhadap aspek kehidupan nasional kita yang penting ini.

Tuan Pengerusi, masalah ini telah menjadi begitu runcing di negara-negara barat seperti Amerika Syarikat, England, Eropah, Jepun dan lain-lain, tetapi di situ persoalan adalah dianggap sebagai yang disifatkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong "a price of the development" sebagai satu hasil sampingan masyarakat teknologi yang perlu. Dan saya bersetuju dengan beliau bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun mempunyai kelebihan, dengan izin, "hindsight" berbanding dengan rakyat masyarakat perindustrian yang lain.

Adalah penting bukan sahaja kepada diri kita sendiri malah juga kepada generasi-generasi yang akan datang bagi kita menghadapi masalah mengurangkan pencemaran alam sekitar. Kita mesti belajar, dengan izin, "humanize technology" yang diperlukan bagi pembangunan sosio ekonomi negara kita. Kita mesti juga memperluaskan pandangan kita akan pembangunan dari segi fizikal semata-mata serta bertujuan memperbanyakkan pengeluaran dan perkhidmatan kepada pembangunan manusia "collective" termasuk penikmatan serta perlindungan bumi pertiwi.

Kita mesti memperolehi pedoman daripada sejarah pembangunan teknologi di dunia dan berhenti mengeksploit bumi kita seakan-akan hamba atau menganggapnya sebagai kawasan buangan sampah yang amat besar untuk dicemarkan. Jika tidak, bumi yang permai ini akan bersikap sebagai musuh dan menyusahkan kehidupan kita. Malangnya, Kerajaan negara kita tidak pernah menghargai kepentingan melindungi warisan alam semula jadi kita.

Persoalan perlindungan alam sekitar sering menerima keutamaan yang paling rendah, sama ada dalam usaha membina hydro-elektrik project di Pakun, Sarawak, atau melaksanakan rancangan-rancangan perindustrian berat ataupun mengawal industri pengangkutan supaya meminimalkan pencemaran alam. Trend yang merbahaya ini mesti dihentikan jika kita tidak mahu mewariskan suatu bumi yang kontang, kosong serta tercemar yang tidak sesuai bagi kehidupan kepada generasi-generasi Malaysia akan datang.

Dengan kepelbagaian aktiviti-aktiviti ekonomi, keperluan mewujudkan pengurusan pembuangan bahan-bahan sampah adalah paling menekan sekali. Kes yang saya ingin sebutkan adalah kontroversi menempatkan tapak pembuangan radioaktif di Papan, di mana 4 hektar tanah negeri telah diperuntukkan kepada Syarikat Asian Rare Earth Sdn Bhd di Batu 4, Jalan Lahat, Ipoh. Saya sedar bahawa tajuk ini telah dibincangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, akan tetapi saya berpendapat bahawa perkara ini adalah sangat penting yang merupakan kali yang pertama di mana negara kita menghadapi cabaran masalah yang ditimbulkan daripada usaha kita untuk membangunkan perindustrian negara kita. Dan oleh yang demikian, saya ingin mengkaji masalah ini dari segi politik.

Tuan Pengerusi, bahan-bahan buangan industri yang dikeluarkan oleh Syarikat Asian Rare Earth Sdn. Bhd. mengandungi isi kandungan thorium hydroxide dan yitrium oxide yang tinggi. Bahan-bahan ini pula merupakan hasil sampingan daripada pemerosesan zenotime dan monazite masing-masing, yang pula dihasilkan daripada pemerosesan bahan-bahan buangan kapal-kapal korek timah.

Yitrium oxide adalah digunakan dalam pengeluaran komponen-komponen TV yang memberikan warna merah kepada TV berwarna dan rare earth chloride yang dihasilkan daripada pemerosesan monoxide pula adalah digunakan di dalam pengeluaran komputer serta alat-alat elektronik.

Kesan-kesan yang buruk yang dikeluarkan oleh bahan-bahan radioaktif sisa-sisa perindustrian itu telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan saya tidak bertujuan untuk mengulangi sekali lagi di atas perkara ini.

Apa yang saya ingin membuat komen ialah berhubung dengan tindakan 2,000 orang penduduk di sekeliling Papan yang telah membuat bantahan sekeras-kerasnya terhadap penempatan tapak pembuangan radioaktif tersebut di pintu belakang rumah mereka.

Saya mesti mengucapkan tahniah kepada mereka dan saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada kumpulan-kumpulan tekanan seperti Persatuan Pelindungan Alam Sekitar Malaysia (EPSM) ataupun Sahabat Alam Malaysia (ALIRAN) yang telah membuat sumbangan kepada, dengan izin, "decision-making" mengenai perkara itu.

Saya ingin membuat ucapan syabas kepada penduduk-penduduk Papan termasuk berbagai Jawatankuasa tindakan oleh kerana keinsafan

mereka akan tanggungjawab awam mereka dalam mengambil tindakan dramatik untuk menarik perhatian kepada risiko kebocoran daripada tapak pembuangan tersebut yang mesti dikutuk iaitu sikap serta sambutan Kerajaan kepada bantahan rakyat yang terlibat.

Pada mulanya Kerajaan telah memberi jaminan bahawa tindakan-tindakan pencegahan yang telah diambil di tapak Papan memang adalah selamat, seakan-akan Kerajaan serba mengetahui segala-galanya bagaikan, dengan izin, "Omniscient of God", di mana jaminan-jaminan mulut dipersamakan dengan kebenaran sebenar.

Seterusnya apabila penduduk-penduduk Papan berkeras dalam pendirian mereka, pemimpin-pemimpin Kerajaan mula mengugut mengenai anasir-anasir anti nasional dan keselamatan negara.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah mungkin penduduk-penduduk Papan dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara, manakala mereka hanya mempergunakan hak mereka sebagai warganegara Malaysia mengenai kewajipan Kerajaan serta menarik perhatian Kerajaan kepada satu-satunya keputusan yang akan mempengaruhi kedudukan jangka panjang mereka.

Bukankah pasti bahawa prinsip keadilan asasi memberikan mereka hak untuk dirunding serta didengar pandangan mereka, dengan izin, "common Law Principle: The right to be heard", sebelum pelaksanaan suatu skim yang mungkin menyebabkan keburukan yang tidak terhitung kepada anak-anak mereka.

Juga walaupun terdapat jaminan-jaminan Kerajaan, semakin ramai pakar-pakar yang menyuarakan keraguan mereka akan keselamatan tapak pembuangan tersebut dan ini

telah diberi secara detil oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap atas perkara ini dan saya tidak ingin ulangi sekali lagi.

Tuan Pengerusi, tidak kira apa hasil penemuan laporan Kumpulan International Atomic Energy Agency (IAEA), adalah menjadi pengetahuan saintifik biasa bahawa walaupun memang ada langkah-langkah sementara untuk menyimpan bahan-bahan buangan radioaktif, suatu penyelesaian tetap untuk membuangnya dengan selamat masih belum diketahui.

Malah pendedahan kepada "radiation" takat rendah pada masa yang berpanjangan pun adalah merbahaya. Pakar biologi Pemenang Hadiah Nobel, George Wald pernah mengatakan bahawa, dengan izin, "every dose of radiation is an overdose; there is no threshold where radiation is concerned".

Beberapa tahun dahulu, suatu kejadian telah berlaku di New York, Amerika Syarikat yang patut menjadi pedoman kepada negara kita. Di suatu tempat bernama Love Canal, suatu tapak telah dipilih untuk membuang bahan-bahan buangan perindustrian di mana ianya ditimbus di bawah tanah di dalam tong-tong logam, dalam paritan yang teguh pembinaannya. Selepas itu tapak ini telah ditimbus lagi dengan tanah dan suatu bandar dibina di atasnya. Akan tetapi telah didapati bahawa bahan-bahan kimia telah bocor daripada tapak buangannya dan mencemar keseluruhan kawasan sekitar. Keburukan yang dihasilkan adalah begitu menyeluruh sehingga keseluruhan bandar Love Canal itu terpaksa dipindahkan.

Malahan kini juga di negeri Belanda pun suatu kempen berleluasa sedang berjalan untuk membuang segala bahan-bahan buangan toxic daripada tapak-tapak buangan bawah tanah.

Alternatif yang terbuka kepada Kerajaan atas perkara ini adalah jelas sekali. Sekarang Kerajaan mesti memperlihatkan kedua-dua sensitiviti dan kebutannya kepada kemahuan penduduk Papan serta semua rakyat Malaysia yang berfikir, dengan membatalkan keseluruhan rancangan menempatkan tapak pembuangan di Papan dan mengenakan kawalan lebih ketat ke atas semua industri-industri yang mengeluarkan bahan-bahan buangan toxic serta radioaktif.

Kerajaan mesti juga memulakan suatu kajian epidimeologi (epidimeological study) yang sepenuhnya meliputi keseluruhan penduduk bukan sahaja di Papan, tetapi juga di kawasan-kawasan di mana aktiviti-aktiviti perlombongan timah yang pesat berlaku. Ini adalah untuk menentukan kedudukan kesihatan berhubung dengan risiko pencemaran radioaktif dan bahan buangan toxic.

Inilah sebabnya mengapa "Environmental Impact Assessment Exercise", dengan izin, yang dimulakan oleh Kerajaan adalah begitu penting.

Di keseluruhan negara kita, Tuan Pengerusi, orang ramai menggunakan bahan-bahan kimia toxic untuk membersihkan circuit di kilang-kilang elektronik. Bahan-bahan buangan toxic ini kemudiannya dengan sewenang-wenangnya dibuang ke dalam saluran najis dan akhirnya ke dalam sistem perairan negara kita.

Begitu juga industri-industri electroplating mengeluarkan cadmium dan chromium sebagai hasil-hasil sampingan perindustrian dan di kawasan-kawasan penumpuan bilangan penduduk yang ramai bahan-bahan buangan sedemikian adalah ancaman kesihatan yang amat buruk.

Industri-industri lain yang menggunakan bahan-bahan kimia khususnya di Shah Alam dan Petaling Jaya, mengeluarkan jumlah bahan buangan yang besar setiap tahun. Tiada siapa pun mengetahui betapa berleluasanya keburukan yang berlaku.

Di Sabah dan Sarawak di mana bahan-bahan kimia digunakan untuk memproses kayu balak, bahan-bahan ini sering memasuki air dan sungai dan membunuh begitu banyak kehidupan perairan serta membinasakan segala eco-system. Jadi, saya berharap bahawa apabila Menteri berkenaan memberikan jawapan beliau, beliau akan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bila "Environment Impact Assessment" akan exercise itu diterbitkan, dan juga bila pelbagai peraturan-peraturan serta syorsyornya dilaksanakan.

Saya juga diberitahu bahawa Pelan tindakan Alam Sekitar Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Environmental Action Plan) telah digubal oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bersama-sama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Langsung tiada ada keraguan bahawa sistem-sistem saluran air termasuk air di bandar Kuala Lumpur khususnya dan keseluruhan Klang Valley amnya adalah tercemar dengan buruknya. Satu kajian telah menunjukkan bahawa lebih daripada 50% kenderaan-kenderaan bas mengeluarkan asap kehitam-hitaman yang menyumbangkan kepada, dengan izin, "an aerial cesspool" iaitu langit Kuala Lumpur. Kawalan yang lebih ketat mesti diadakan ke atas perindustrian pengangkutan.

Maka saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan akan membekalkan Dewan yang mulia ini dengan fakta-fakta serta angka-angka khusus berhubung dengan darjah pencemaran udara di Klang Valley, termasuk angka-angka

kandungan sulphur dioxide, bahan-bahan particulate, nitrous oxide, carbon monoxide dan takat pelambam (lead), berbanding dengan, misalnya lima tahun yang lepas.

Sebagai kesimpulan, saya mesti membuat pemerhatian bahawa Kementerian ini tidak berupaya memainkan peranan yang berkesan dalam perlindungan alam sekitar negara kita kerana di dalam peribahasa Cina "Mei yu chiau te pang sieh" a crab without pincers, dengan izin, kerana ia merupakan sebuah Kementerian yang kurang berkuasa, kedua-dua untuk rentang "vested interest", dan menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang melanggarnya.

Keseluruhan Kabinet mesti membuktikan perhatian ataupun political will, dengan izin, terhadap perlindungan alam sekitar kita dengan memasukkan peraturan-peraturan perlindungan alam sekitar sebagai syarat untuk meluluskan lesen-lesen untuk menjalankan industri-industri, dengan peruntukan bahawa jika peraturan-peraturan ini tidak ditemui, lesen-lesen ini akan ditarik balik.

Kerajaan hanya boleh bersifat lebih berkesan jika kuasa sedemikian diberikan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerantut. Selepas ini saya akan memanggil Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.55 ptg.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Pengerusi, maksud Bekalan 48, Butiran 3 di muka surat 231 dan juga Maksud Pembangunan 48, Butiran 4, muka surat 232.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dari segi soal program Perlindungan Hidupan Liar dan

Taman Negara ataupun dalam ringkasnya "PERHILITAN". Rakan saya dari Ulu Terengganu telah menyentuh berkenaan dengan perlindungan hidupan liar maka saya tidak lagi menyentuh perkara itu tetapi mengkhususkan ucapan ringkas saya ini kepada Taman Negara sahaja.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini di atas usahanya bagi memajukan program ini seperti yang telah diterangkan dalam Buku Prestasi iaitu selaras dengan berkuatkuasanya Akta Taman Negara pada tahun 1980 dan Pindaan 1983, usaha-usaha akan terus ditingkatkan untuk memelihara dan melindungi hidupan "flora dan fauna", Taman-taman Negara dan reserve hidupan liar ke arah pengabdian dan memajukan pendidikan, kesihatan dan rekreasi orang ramai. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan rekreasi orang ramai.

Tuan Pengerusi, dalam peruntukan bagi program ini, bekalan bagi tahun 1984 diutukkan sebanyak \$7.1 juta dan pada tahun 1985, \$7.9 juta, Maksud Pembangunan Kemajuan Taman Negara, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat diperuntukkan sebanyak \$15.1 juta, pada tahun 1984, \$2.9 juta dan pada tahun 1985, \$2,920,00. Menyentuh berkenaan dengan Taman Negara, Tuan Pengerusi, Taman Negara Kuala Tahan yang saya maksudkan oleh kerana di Malaysia Timur pun ada juga Taman Negara. Di Malaysia Barat kawasan Taman Negara kita meliputi tiga buah negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu. Tetapi satu pusat pelancongan yang pesat ialah di Kuala Tahan, Taman Negara. Dan Kuala Tahan ini adalah dalam kawasan saya dan juga di dekat dengan kampung saya. Tetapi bukanlah tujuan saya untuk bercakap kerana di kampung saya. Tetapi tujuan saya yang utama ialah saya

nampak ada beberapa ruang lagi yang boleh dibaiki berkenaan dengan soal Taman Negara ini untuk faedah bersama bagi tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, saya bersekolah darjah 1 pada tahun 1960. Sekarang saya berumur 31 tahun. Selama 25 tahun saya menyaksikan perkembangan Taman Negara Kuala Tahan oleh kerana dalam kampung saya. Maka saya dapati selama 25 tahun ini tidak ada beberapa banyak perubahan dibuat di kawasan ataupun demi untuk kemajuan pelancongan Taman Negara ini. Jadi, pada hari ini saya memang telah menunggu-nunggu untuk berucap supaya Kementerian dapat mengambil perhatian yang berat semoga diadakan satu kajian yang menyeluruh dan juga diadakan pembaikan-pembaikan kepada perkara-perkara yang saya akan sebutkan. Pihak Unit Perancang Ekonomi Negara (UPEN) telah mengadakan kaji selidik yang terperinci berhubung dengan Taman Negara Kuala Tahan walaupun saya tidak berpeluang lagi untuk mendapat laporan itu tetapi saya percaya laporan-laporan terperinci akan dapat dikemukakan kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, ada beberapa masalah. Taman Negara Kuala Tahan ini, selain daripada tempat pelancongan untuk melihat binatang-binatang liar dan juga tumbuhan-tumbuhan yang berumur berpuluh-puluh, beratus-ratus serta beribu-ribu tahun, juga menjadi tumpuan kepada penyelidikan dan juga tempat kajian-kajian ahli-ahli sains bagi perkara yang berkaitan. Untuk sampai ke Taman Negara Kuala Tahan daripada mana-mana tempat terpaksa sampai ke Jerantut dahulu dan daripada situ ke Kuala Tembeling, dan daripada Kuala Tembeling ini menaikki bot sejauh 40 batu selama 2 jam lebih ke Taman Negara Kuala Tahan. Di sana ada rumah rehat dan ada tempat tinggal

dan sebagainya. Jadi, yang kita selalu nampak iklan di suratkhbar dibuat oleh Perbadanan Pelancongan itu adalah satu usaha bagi memperkenalkan Taman Negara. Selain daripada itu tidak ada Kementerian pun tidak pernah berusaha untuk memperkenalkan Taman Negara Kuala Tahan ini melalui ikhtiar daripada TDC sahaja. Kemudian untuk sampai ke sana, masalah yang pertama ialah di segi kekurangan pengangkutan. Saya bertanya kepada pihak Taman Negara Kuala Tahan, mengapakah dihadkan jumlah pelancong yang boleh melawat Taman Negara.

Menurut mereka ini adalah yang pertama berkait dengan pengangkutan iaitu pengangkutan melalui bot ataupun motor sangkut oleh Taman Negara sangat terhad dan kadangkadangkang pihak Taman Negara terpaksa menolak permohonan-permohonan dariapda pelancong-pelancong. Kecuali kalau sekiranya pelancong-pelancong itu telah memohon lama pengangkutan ini baharulah mereka beri dan banyak lagi pelancong-pelancong tidak dapat pergi kerana masalah pengangkutan.

Yang keduanya pula, kita ada juga motor sangkut ini macam kereta di darat juga, dia ada yang swasta punya. Jadi, yang swasta ini tidak dibenarkan membawa pelancong-pelancong ini ke Taman Negara Kuala Tahan. Kalau juga bawa mereka ini tidak dibenarkan tidur di rumah rehat, tidur atas pasirlah ataupun tidur di rumah orang-orang di kawasan itu ataupun rumah-rumah persendirian. Jadi, yang keduanya, tempat tinggal. Ini pun satu aspek lagi yang mana rumah-rumah rehat yang ada tidak mencukupi, tempat memang luas saya fikir boleh ditambah rumah-rumah rehat ini.

Kemudian yang ketiga, kelemahan organisasi pentadbiran secara keseluruhan. Yang pertamanya ialah dari segi kawalan pelancongan

persendirian. Maksud saya, Tuan Pengerusi, ialah bagi mereka yang pergi secara persendirian ke Taman Negara pertamanya mereka tidak dapat kemudahan rumah rehat, kemudahan pemandu pelancong, tidak dapat kemudahan untuk melihat hutan-hutan dan binatang-binatang dan sebagainya. Bersabit dengan ini Taman Negara juga tidak dapat mengutip hasil daripada mereka oleh kerana mereka pergi secara persendirian tidak dapat dikawal.

Kemudian yang keduanya, ialah masalah macam harga bilik misalnya. Saya beri contoh dia ada dua sahaja harga bilik di situ walau cantik mana pun bilik, walau buruk mana bilik pun harganya \$15.00 semalam. Kemudian yang keduanya asrama harganya \$8.00 seorang serupa sahaja. Jadi, siapa nasib baik dapat bilik cantik \$15.00, yang dapat bilik tidak baik pun \$15.00 juga. Pelancong yang kaya pun bayar \$15.00 juga, pelancong yang tidak berapa kaya pun bayar \$15.00. Yang ketiga, dari segi pemandu pelancong. Ini satu hal juga pemandu-pemandu pelancong di sini baik orang Melayu kita ataupun Orang Asli mereka itu tidak disusun, ada masanya pelancong-pelancong memerlukan perkhidmatan pemandu-pemandu pelancong tidak dapat khidmat itu. Ada masanya tidak disusun ataupun tidak kelicinan pentadbiran itu menyebabkan ada masalah-masalah berkenaan dengan pemandu pelancong ini.

Kemudian, keempat ialah masalah pejabat perhubungan untuk pergi ke Taman Negara Kuala Tahan ini. Saya biasa berjumpa pelancong-pelancong menanyakan saya bila sampai ke Jerantut ataupun Kuala Tembeling dia kata di mana Pejabat Taman Negara di sana untuk saya menelefon dan juga mendapatkan bot. Jawapan kita tidak tahu. Saya beri jawapan pejabatnya ialah di Seremban, tempat untuk membuat tempahan ini di Seremban.

Dan pelancong-pelancong ini kata, takkan hendak pergi Seremban sekali lagi dan balik ke Jerantut untuk membuat tempahan motor ataupun motor sangkut ini ke Taman Negara. Jadi, sepatutnya diadakan satu pejabat kecil di pengkalan ini seperti di Kuala Tembeling ataupun di Jerantut dan banyak sekali pelancong-pelancong keliru. Kalau pelancong itu daripada luar negeri bercakap dengan orang kita di kampung tidak tahu bercakap Orang Putih, habis tidak ada cerita langsung, dia pun balik semula ke Kuala Lumpur dan tidak berpeluang untuk pergi ke Taman Negara.

Yang kelimanya, Tuan Pengerusi, ialah dari segi beberapa langkah keselamatan semasa pelancong-pelancong berada di Taman Negara ini terutama berkait dengan bila pelancong-pelancong ini hendak masuk ke dalam hutan melihat binatang-binatang ataupun untuk mendaki gunung iaitu Gunung Tahan, gunung yang tertinggi sekali dalam Malaysia. Langkah-langkah keselamatan sangatlah berkurangan walaupun mendaki Gunung Tahan keselamatannya tidak dijamin oleh Taman Negara tetapi saya berpendapat di sini adalah perlu juga pihak Kementerian mengarahkan Taman Negara ini menyediakan langkah-langkah keselamatan. Kita baca di akhbar-akhbar beberapa orang telah mati sewaktu mendaki Gunung Tahan, mati dari segi berbagai sebab, umpamanya oleh kerana tekanan tinggi ataupun oleh kerana cedera. Jadi, mengelakkan daripada perkara-perkara seperti ini saya menyeru supaya langkah-langkah keselamatan diadakan bagi melindungi pelancong-pelancong yang hendak mendaki Gunung Tahan dan juga yang melihat binatang-binatang buas.

Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya di sini ingin mencadangkan beberapa perkara kepada Kementerian dan berharap dapat diambil tindakan untuk

melicinkan soal-soal pelancong di Taman Negara. Yang pertama, kita memberikan perkhidmatan pelancongan ini terbahagi kepada tiga: pertama pelancong-pelancong luar negeri, yang kedua pelancong-pelancong dalam negeri; dan ketiga pengunjung-pengunjung yang bermaksud untuk membuat kaji selidik. Mula-mula mesti dibahagikan kepada tiga kategori seperti ini. Seperti yang kita maklum dalam Belanjawan tahun 1985 kita telah menekankan kepada soal pelancongan sebagai satu cara untuk menarik pertukaran asing dan kita berharap dengan menitikberatkan kepada pelancong luar negeri untuk datang ke Taman Negara ini dianya akan menjadi tarikan kepada tempat pelancongan di negara kita ini. Bagi pelancong-pelancong luar negeri ini misalnya saya contohkan di sini, misalnya bilik. Pelancong-pelancong yang kaya-raya daripada luar negeri itu takkan kita hendak bagi dia bayar \$8 juga. Jadi, untuk begini bilik yang \$15.00 itu mesti misalnya \$30.00 ataupun \$25.00, ini pihak Taman Negara bolehlah fikirkan. Mengalakkan pelancong dalam negeri pula mestilah diadakan sistem di mana kita menyediakan pengangkutan seperti yang saya katakan tadi, ini khusus untuk pelancong dalam negeri. Misalnya dengan membenarkan penduduk-penduduk tempatan mengangkut pelancong dalam negeri dia tidak payah pergi tempah di Seremban, cuba kita bayangkan kawan-kawan saya di Kuantan misalnya, dia telefon di Seremban dahulu tunggu seminggu baharu dapat tempahan. Tetapi misalnya kalau pelancong-pelancong dalam negeri dia boleh menguruskan pangangkutannya di tempat itu juga sama ada kalau Taman Negara tidak sanggup penduduk tempatan sediakan motor-motor ataupun bot-bot ini.

Pengunjung bagi maksud menjalankan kajian selidik, ini

selalunya diuruskan oleh institusi tertentu dan mereka hendaklah diberikan satu kemudahan yang istimewa, misalnya bilik-bilik yang murah ataupun rumah-rumah yang sewanya tidak tinggi tetapi mesti dikenakan juga bayaran.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kalau tidak keseluruhan, beberapa perkhidmatan Taman Negara Kuala Tahan ini diswastakan, biar pihak swasta menjalankan kegiatan pelancongan ini dan Kerajaan menerima bayaran dari segi misalnya royalti sahaja ataupun mengenakan sekali bayaran setahun kepada pihak swasta yang berminat untuk menjalankan perkhidmatan ini. Kita berharap ramai pihak-pihak swasta yang sanggup menjalankan perkhidmatan ini, misalnya dari segi rumah rehat, pengangkutan motor; kalau dia hendak buat perkhidmatan kapal terbang—udara, terpulung kepada pihak swasta dan kita berharap Kementerian boleh fikirkan soal ini.

Yang ketiga, peranan Perbadanan Pelancongan juga penting dari segi mengiklankan serta memperkenalkan Taman Negara ini kepada penduduk-penduduk dalam negara ataupun penduduk-penduduk di luar negeri. Beberapa kemudahan yang telah dianjurkan oleh TDC atau Perbadanan Pelancongan ini hendaklah juga meliputi Taman Negara, Kuala Tahan seperti yang dijalankan sekarang perlu ditingkatkan.

Yang akhirnya sekali, cadangan saya supaya Kementerian memikirkan diadakan satu landasan kapal terbang kecil ke Taman Negara ini, kerana dahulu semasa pemerintahan British ada landasan kapal terbang ke Taman Negara tetapi oleh kerana kita sudah merdeka, mungkin sisa-sisa British ini tidak mahu dilihat, landasan ini sudah tidak ada lagi. Saya percaya kalau ada landasan kapal terbang kecil ke sini, bertambah lagi pelancong-pelancong

dari luar negeri yang boleh mendapat perkhidmatan udara dari Kuala Lumpur, dari Kuantan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan ini dan berharap Kementerian akan dapat mengambil beberapa langkah bagi memperbaiki soal-soal program perhilitan.

**Tuan Pengerusi:** Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*6.11 ptg.*

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas perbelanjaan Belanjawan Kementerian saya bagi tahun 1985 dan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Bagi pengawalan alam sekeliling, pihak Jabatan Alam Sekitar akan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan terhadap mereka yang mencemarkan alam sekitar. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah dengan tepatnya menyatakan bahawa untuk menyelesaikan masalah pencemaran, tindakan penguatkuasaan sahaja tidak boleh menentukan alam sekeliling yang bersih. Pihak industri dan pemaju serta orang hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan. Kerjasama ini bolehlah diadakan dalam berbagai bentuk. Misalnya pihak industri dan pemaju bolehlah memasukkan soal alam sekitar (environmental concern) di dalam semua projek mereka mengikut garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan menentukan bahawa persekitaran mereka adalah teratur dan kemas (good house keeping). Saya berharap orang ramai

tidak akan membuang sampah di dalam parit atau di jalanraya. Usaha sama oleh semua pihak tentu akan memastikan satu alam sekitar yang lebih baik dan bersih.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan pencemaran udara oleh kenderaan bermotor, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan telah memutuskan bahawa kilang-kilang penapis minyak dikehendaki mengurangkan isi kandungan pelambam di dalam minyak petrol dari 0.8 gram tiap-tiap satu liter ke 0.4 gram tiap-tiap satu liter. Keputusan ini akan berkuatkuasa mulai pada 1hb Julai, 1985. Pemeriksaan biasa adalah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis ke atas kenderaan-kenderaan bermotor yang mengeluarkan asap berlebihan di jalanraya. Lawatan dan pemeriksaan biasa juga dijalankan ke atas kilang-kilang yang mengeluarkan asap berlebihan seperti kilang-kilang papan, kilang-kilang batu bata, kilang-kilang perabot dan sebagainya. Kadang kala pemeriksaan itu dijalankan oleh Pegawai-pegawai Alam Sekitar bersama dengan pegawai dari Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Berkenaan dengan pelupusan sisa-sisa pepejal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ia adalah di bawah tanggungjawab Majlis-majlis Tempatan, tetapi Kementerian saya bekerjasama dengan Majlis-majlis Tempatan tersebut untuk memberi nasihat apabila dipinta.

Berkenaan dengan soal pelupusan sisa-sisa pepejal seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong iaitu di mana Pihak Berkuasa Tempatan yang tertentu di Kulai, Johor telah memilih satu tapak yang tidak sesuai dan telah

menyebabkan berlakunya pencemaran, ingin saya menyatakan bahawa Jabatan Alam Sekitar akan menyasiat kes ini dan perkara ini akan dibawa untuk perhatian pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk tindakan sewajarnya. Pada masa ini, Kementerian saya telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk menggubalkan peraturan-peraturan bagi pengolahan dan pelupusan sisa-sisa toksik dan merbahaya. Draf pertama peraturan-peraturan tersebut telah pun siap dan pihak industri dan swasta akan diberi peluang untuk memberi ulasan ke atas peraturan-peraturan itu sebelum perlaksanaannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjung, Bandar Kuching dan Sungai Besi telah membangkitkan masalah simpanan sisa radioaktif di Papan. Saya ingin menegaskan bahawa tapak penyimpanan sisa radioaktif di Papan belum lagi digunakan. Laporan-laporan oleh pakar-pakar baru sahaja disampaikan kepada Kerajaan dan ianya akan ditimbang dengan teliti. Saya memberi jaminan bahawa semua teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus membangkitkan soal berkenaan hidupan liar. Tempat kediaman asli kehidupan liar telah pun diganggu atau dimusnahkan oleh pembukaan tanah bagi memajukan ladang-ladang, perumahan dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, kita semua telah menerima laporan berlakunya binatang liar seperti gajah yang datang ke kawasan-kawasan kampung dan ladang-ladang untuk memusnahkan tanaman dan harta benda. Kerjasama dari pemaju-pemaju tanah adalah diperlukan dengan memberi Jabatan Perhilitan notis awal sebelum sebarang kemajuan dijalankan ke atas tanah murni, dan juga dari pihak-pihak Kerajaan Negeri untuk menetapkan

kawasan-kawasan sebagai santuari hidupan liar ataupun taman-taman negara untuk mengekalkan tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar, khususnya yang berada di dalam keadaan pelupusan.

Mengenai soalan pengeksportan kera, masalah berkenaan dengan syarikat pengeksportan kera Research Primates yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ini telah pun diselesaikan oleh Kementerian saya.

Mengenai eksport monyet dari Malaysia telah saya beri jawapan pada 2hb April, 1984 di dalam Dewan yang mulia ini. Sepertimana yang saya jelaskan pada ketika itu pengeksportan kera dan monyet telah diberhentikan sejak 15hb Jun tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga membangkitkan soalan kemungkinan banjir tahun ini sama ada ia adakah terlalu buruk, sama atau lebih baik berbanding dengan tahun 1983.

Tuan Pengerusi, hujan pada monsun tahun ini adalah diramalkan lebih tinggi dari purata, tetapi dijangka tidak begitu buruk berbanding dengan tahun 1983. Sama ada keadaan ini akan mengakibatkan banjir akan bergantung kepada faktor-faktor seperti sistem parit dan taliair (drainage and irrigation), dengan izin. Ramalan banjir tidaklah di bawah tanggungjawab Perkhidmatan Kajicuaca, ianya adalah di bawah kawalan Jabatan Parit dan Taliair di bawah Kementerian Pertanian. Setahu saya Jabatan Parit dan Taliair mempunyai satu sistem untuk meramalkan banjir yang berkesan dan menggunakan sistem telemetrik.

Mengenai keperluan untuk menambahkan lagi stesen-stesen kajicuaca, khususnya di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan

oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, saya ingin menjelaskan bahawa rangkaian stesen-stesen kajicuaca di negara ini untuk mengawal cuaca adalah, dari segi teknik, mencukupi untuk membolehkan Perkhidmatan Kajicuaca membuat ramalan cuaca yang memuaskan berasaskan kepada teknik-teknik ramalan cuaca yang sedia ada. Ini bermakna satu rangkaian yang optima telah diadakan untuk memberi data-data yang berguna, akan tetapi sebaik sahaja peruntukan telah diperolehi, stesen-stesen tambahan akan dibina bagi mengkaji cuaca dan iklim dari aspek serantau.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya sekarang mempunyai satu Jawatankuasa Bersama disertai oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk mengkaji soal pembangunan di Taman Negara. Kemudahan di Taman Negara akan ditambah dan dibaiki apabila soal penswastan beberapa perkhidmatan di Taman Negara ditimbangkan.

Mengenai Pelan Tindakan untuk Isu-isu Alam Sekitar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya ingin menjelaskan Pelan Tindakan bagi masalah-masalah pencemaran alam sekitar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah disediakan sejak tahun 1983 dan pelaksanaan sedang diselenggarakan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dibantu oleh agensi-agensy yang terlibat seperti Jabatan Alam Sekitar, Dewan Bandaraya, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Galian dan juga Jabatan Parit dan Taliair. Pelaksanaan ini dijalankan fasa demi fasa dan diawasi secara rapi oleh sebuah Jawatankuasa terdiri dari agensi-agensy yang disebutkan tadi.

Berkenaan dengan radar amaran ribut, peruntukan token sebanyak \$10

sahaja disediakan. Ini bermakna, Tuan Pengerusi, keperluan untuk alat itu telah pun diberi perhatian. Sebaik sahaja alat-alat yang sesuai dikenalpastikan dan harganya ditentukan, peruntukan tambahan di bawah kepala ini akan dipohon untuk membeli alat itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian terhadap Kementerian saya. Ingin saya maklumkan bahawa kita memang berkehendakkan lebih banyak lagi peruntukan untuk menjalankan fungsi-fungsi Kementerian dengan lebih berkesan, tetapi memandangkan keadaan ekonomi dan masalah kewangan, kita terpaksa menjalankan tugas-tugas kita dengan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dengan seberapa yang boleh.

Saya bersetuju adalah sangat baik sekiranya lebih banyak lagi pejabat cawangan Jabatan Alam Sekitar dapat ditubuhkan di seluruh negara, terutamanya di negeri-negeri di mana kemajuan industri dan lain-lain perkembangan sedang giat dijalankan untuk mengawasi paras pencemaran di udara dan air supaya tindakan yang cepat dapat diambil untuk mengawal pencemaran-pencemaran yang mungkin berlaku sebelum masalah pencemaran itu menjadi rumit dan tidak dapat dikawal sama sekali.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini serta ulasan-ulasan dan pandangan mereka dan saya ingin mengulangi bahawa pandangan-pandangan yang membina akan diberi perhatian oleh Kementerian saya. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$33,897,300 untuk

Maksud B. 48; \$10,036,700 untuk Maksud B. 49 dan \$19,126,800 untuk Maksud B. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$33,897,300 untuk Maksud B. 48; \$10,036,700 untuk Maksud B. 49 dan \$19,126,800 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$12,199,900 yang disebutkan dalam Maksud P. 48; \$1,822,310 untuk Maksud P. 49 dan \$223,080 untuk Maksud P. 50 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,199,900 yang disebutkan dalam Maksud P. 48; \$1,822,310 untuk Maksud P. 49 dan \$223,080 untuk Maksud P. 50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Maksud B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55 dan B. 56 (Jadual)—*

*Maksud P. 51, P. 52, P. 53, P. 54, P. 55 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 51 hingga 56 dan Maksud Pembangunan P. 51 hingga 56 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Matang.

6.33 ptg.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dan membahaskan

peruntukan Kementerian Pengangkutan bagi Maksud P. 51, Butiran (Projek) 31 mengenai Pembangunan Pelabuhan Kelang.

Tuan Pengerusi, pagi tadi saya bersama-sama dengan satu rombongan telah pergi melawat ke Lembaga Pelabuhan Kelang. Setelah kami, Ahli-ahli Parlimen dibawa melawat, jelaslah kepada kami, terutama kepada saya sendiri bahawa pelabuhan ini boleh lagi menghad dan dari tahap kemampuannya sekarang jika pihak pengurusan pelabuhan dapat benar-benar menjalankan aktiviti di pelabuhan seperti badan perdagangan, iaitu untuk meningkatkan prestasi penjualan dengan pekerja-pekerja yang minima membuat perancangan untuk 10 tahun ke hadapan.

Menyentuh perkara Pentadbiran, kita berharap pihak pengurusan dapat menyediakan kepada para pekerja "sense of direction" dengan mengadakan perjumpaan dan mesyuarat antara Ketua-ketua Jabatan dan pekerja-pekerja pada setiap dua minggu sekali, seperti yang diamalkan oleh pihak pelabuhan di negeri Jepun, misalnya seperti di Ko kerana konsep Pandang Ke Timur perlu diamalkan di Pelabuhan Kelang ini. Pegawai-pegawai Tinggi di pelabuhan ini janganlah selalu sangat dihantar ke luar negeri. Kalau ke luar negeri dengan tujuan untuk menjalankan perniagaan bagi tujuan menambah aktiviti kerja pelabuhan ini—elok, tetapi saya difahamkan bahawa ada pegawai-pegawai tertentu ke luar negeri untuk seminar dan kursus. Bukankah lebih baik dihantar pegawai-pegawai lain untuk mengikuti kursus-kursus tertentu bagi Pegawai-pegawai Tinggi ini?

Tuan Pengerusi, oleh kerana tidak ada perhubungan yang rapat di antara pihak pengurusan dan pekerja-pekerja maka banyak kerja-kerja yang

boleh ditingkatkan dengan cekap, kadangkala tidak cekap dan "consistent". Misalnya, Terminal Kontena mempunyai alat-alat mekanik yang sophisticated, seperti stradle carriers dan gantry crane yang memerlukan pekerja yang "highly technical". Bagi menjamin perjalanan dan menjaga kelicinan perkhidmatan jentera itu, pelabuhan ini kekurangan pekerja-pekerja ini, iaitu pekerja-pekerja yang terlatih dan tenaga pekerja yang "industries" dan sebab itulah terdapat banyak "breakdown" alat-alat jentera dan ini menghasilkan "low productivity" dan "turn-over container boxes", dengan izin.

Setelah kita melihat keadaan pelabuhan itu, pada pendapat saya pihak pengurusan perlu memikirkan membeli alat-alat pengangkut bagi mengendalikan "unloading" dari kapal-kapal grab crane dan field hoppers, dengan izin, yang capacitynya boleh mengangkut di antara 200 ke 400 tan per unit.

**Tuan Pengerusi:** Apa dia "field hoppers" itu?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ini barang untuk alat-alat di pelabuhan ini, untuk mengangkut barang. Ini kita dapat penerangan daripada sana, Tuan Pengerusi, (*Ketawa*) daripada pihak Pelabuhan Kelang, jadi kita terpaksa menceritakan sedikit masalah-masalah (problems) yang dihadapi di pihak Pelabuhan Kelang ini.

Selain daripada itu, Operator-operator Mesin ini tidak dimotivatedkan dan dengan itu kemalangan banyak berlaku. Oleh kerana tidak ada pengawasan dan diambil berat oleh pihak-pihak tertentu, saya difahamkan bahawa operator-operator tersebut kurang berminat bekerja dan menyebabkan "low productivity" apabila dibandingkan dengan Singapura dengan menggunakan crane yang

sama dapat memunggah sebanyak 26 peti dalam masa satu jam. Tetapi di Pelabuhan Kelang cuma antara 18 ke 20 peti sahaja dalam masa satu jam, kalau dibandingkan antara Singapura dengan Pelabuhan Kelang.

Tuan Pengerusi, usaha-usaha perlulah dibuat bagi menambah lagi haulier atau jentera pengangkut barang-barang ini seperti satu, Syarikat Shahpadu dan satu lagi Kontena Nasional. Saya mencadangkan supaya ditambahkan satu lagi syarikat supaya segi pengangkutan itu dapat dibereskan dengan begitu cepat.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap pula mengenai Maksud Pembangunan P. 51 iaitu Keretapi Tanah Melayu. Bila bercakap dalam masalah Keretapi Tanah Melayu ini kalau kita naik keretapi sahaja, kalau keadaan keretapi ekspres macam Ekspres Rakyat atau Ekspres KTM, itu kita rasa agak enaklah sedikit. Macam kita Ahli-ahli Parlimen ini duduk di tempat yang istimewa tetapi kepada rakyat biasa yang ingin menaiki keretapi ini mereka tak dapat hendak duduk First Class, cuma duduk di tempat Second Class atau Third Class. Keadaan keselisaan tidak begitu baik kalau kita bandingkan dengan setengah-setengah keretapi.

Misalnya India, kalau kita pergi ke India dan menaiki keretapi daripada Bombay sampai ke New Delhi, relnya bukan main besar, kita duduk pun sedap sahaja, dalam masa tak berapa jam, sedar-sedar kita sudah sampai ke New Delhi. Begitu enaknyanya. Itu di India, orang kata India itu tidak bagus tetapi keretapinya memang bagus, yang lain-lainnya itu kita tak tahulah tetapi keretapinya memang bagus. Mengapa di negara kita yang mana kita tahu rel keretapi ini apa yang kita dapat laporan mengatakan bahawa rel keretapi itu dibuat sejak tahun 1909.

Ini bererti sleeper dan relnya sudah lebih daripada 60. Oleh kerana keadaan rel yang begitu tua, kita pun kalau orang sudah tua makin tak larat, gigi pun sudah goyang, sudah tercabut semua. Begitu juga dengan rel keretapi kalau sudah lama kata orang di sebelah Perak lama-lama dia terpeliot, dia goncang, dia tumbang, orang sudah tua, maklum sahajalah.

Kita sedar ada di sini peruntukan untuk membaiki sekian-sekian tetapi saya berharap biarlah rel ataupun sleeper itu macam mana yang dibuat daripada Kuala Lumpur ke Seremban, apabila kita naik keretapi barulah kita rasa sedap sedikit kerana relnya pun baru, sleepernya pun rasa licin sahaja. Saya rasa kalau dapat rel itu dipercepatkan sebab di zaman sekarang ini perlumbaan. Kita asyik gaduh di sini, keretapi selalu rugi.

Saya hairan mengapa semasa bekas Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu iaitu Datuk Ishak Tadin, semasa beliau menjadi Pengurus Besar saya baca daripada laporan dalam masa enam bulan sahaja kita mendapat keuntungan yang banyak. Kemudian selepas itu saya pun hairan mengapa pula makin merosot. Itu yang menjadi hairan juga. Kalau dapat kita tengok semasa bekas Pengurus Besar itu mungkin seorang yang tegas serta seorang yang berkaliber, kita minta pandangan daripadanya bagaimana kita boleh maju, boleh untung pada masa itu.

Selain daripada itu, service keretapi biasa. Seperti rakyat biasa macam katalah saya naik daripada Taiping ke Kuala Lumpur pukul 12.00 malam dengan Keretapi Mel malam. Saya sengaja berjalan ke tempat Third Class, saya tengok tempat buang air kecil, tempat buang air besar "berselimus" kata orang. Inikah caranya, kalau pelancong-pelancong datang tengok keadaan keretapi kita itu, kita rasa agak malu sedikit

Biarlah segi kebersihan walaupun rupa buruk kata orang sudah lama tetapi biarlah kata orang smart dan bersih. Seperti kata setengah orang pakaian kita ini biar yang lama, yang buruk tetapi bersih. Itu keutamaan kerana kebersihan itu satu daripada iman. Kita tak tahulah mungkin ini satu daripada sikap passengers ataupun sikap pihak Keretapi yang tidak mengambil berat masalah kebersihan, kadang-kadang dalam keretapi ini tempat buang air itupun tidak ada air. Ada terkena sekali, seorang sudah masuk ke tandas, seorang lagi tunggu sangat lama, hendak buang air. Rupanya di dalam itu orang sedang mencari air tidak ada. Mencari air, air tidak keluar, rupanya dia sudah buang air besar di dalam tandas itu. Hendak cuci dengan apa? Dia terpaksa buka, ambil seluar dalam, dicucinya dengan seluar dalam, selepas itu dibuangnya terus seluar dalam itu. Pernah berlaku di atas keretapi itu. Ini cerita terus terang, Tuan Pengerusi, bukan cerita . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat nampakkah itu? (*Ketawa*).

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ini pengalaman daripada seorang sahabat yang menceritakan kepada saya. Jadi itulah saya berharap kepada Kementerian Pengangkutan supaya kita teliti betul-betul. Saya sedar bahawa Kementerian sedang cuba hendak menswastakan Keretapi Tanah Melayu kita ini tetapi kalau swasta besok, kalau di takuk lama juga, "duk tang tu, tang tu" juga, kita pun rasa tidak begitu memuaskan.

Saya rasa setakat inilah Tuan Pengerusi, di atas pandangan saya sedikit sebanyak berhubung dengan masalah Kementerian Pengangkutan ini. Maka dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas peruntukan Kementerian Pengangkutan yang

berjumlah \$424,884,646. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi kita ada satu usul yang berbunyi, bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga perbahasan atas peruntukan Kementerian Pengangkutan dimulakan. Sekarang perbahasan di atas peruntukan itu telah dimulakan.

Oleh itu saya akan menangguhkan mesyuarat ini.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.48 petang.*